



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS TAHUN 2017**

**PENGGAL KELIMA**

**MESYUARAT KEDUA**

---

**SHAH ALAM, 25 JULAI 2017 (SELASA)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali, S.P.M.S. (Bukit Antarabangsa)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/l Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro  
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus  
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz  
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak  
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar  
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah  
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Datuk Halimaton Saadiah Binti Bohan  
D.P.S.M., A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Datuk Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan, D.I.M.P. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim  
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Telok Datok)

**TIDAK HADIR  
(Dengan maaf)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, D.P.M.S., S.I.S.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman, D.I.M.P., A.S.A.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

**PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Elya Marini Binti Darmin, A.M.S.  
**Setiausaha Bahagian Dewan**

Puan Teepah a/p Athimoolam  
**Penolong Setiausaha Dewan**

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha Pentadbiran**

Puan Siti Salina Binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

**Bentara**

Encik Abdul Khalil bin Sabiis  
Encik Mohd Redzuan bin Adam  
Encik Nilam Mersa Mansur bin Osman

**Pelapor Perbahasan**

Puan Hajah Noridah Binti Abdullah  
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

(Dewan disambung semula)

**SETIAUSAHA DEWAN :** *Bismillahirrahmanirrahim Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan Salam Sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat Bagi Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas Pada 25 Julai 2017 dimulakan dengan bacaan doa.

**I. DOA**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya, Pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah, selamat pagi semua. Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Soalan No. 16.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : PERUMAHAN**

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah unit rumah Selangorku yang siap dibina dan masih dalam perancangan?
- b) Berapakah anggaran unit perumahan yang diperlukan bagi memberi ruang pemilikan rumah kepada setiap rakyat Selangor?
- c) Apakah perancangan kerajaan terhadap perumahan peneroka bandar yang masih belum diselesaikan?

**Y.B. DATO' HJ. ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan selamat pagi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Hulu Kelang. Menjawab soalan berapa unit Rumah Selangorku yang siap dibina dan masih dalam perancangan, ingin saya menyatakan di sini bahawa untuk keseluruhannya, bilangan projek Rumah Selangorku atau rumah mampu milik negeri Selangor, sejak inisiatif baru, yang telah dilancarkan pada 2014 yang telah diluluskan oleh EXCO adalah sebanyak 168 projek iaitu 96,832. Setakat ini yang siap dibina adalah 6 projek iaitu 1,054 unit dan

juga dalam pembinaan adalah sebanyak 37 projek merangkumi 22,655 unit dan bagi yang masih belum dibina lagi iaitu sebanyak 41 projek merangkumi 17,969 unit yang telah memiliki KM dan sebanyak 15 projek merangkumi 9,818 unit telah memohon ataupun telah mendapat kebenaran merancang ataupun KM dan kelulusan pelan bangunan. Dan masih tidak membuat apa-apa permohonan kebenaran merancang atau juga kelulusan pelan bangunan adalah sebanyak 69 projek merangkumi 45,336 unit.

Kerajaan Negeri memandang tegas akan, memandang serius akan pemaju-pemaju yang telah diberikan kelulusan untuk membina Rumah Selangorku tetapi tidak membinanya, iaitu, tidak membuat sebarang permohonan untuk mendapatkan kebenaran merancang ataupun kelulusan pelan bangunan. Oleh yang demikian, terdapat beberapa projek iaitu pada tahun yang telah diberi kelulusan pada 2014 sebanyak 5 projek iaitu 2,732 unit dan 2015 sebanyak 22 projek 18,544 unit, 2016 sebanyak 21 projek 15,779 unit yang akan dibatalkan kelulusan untuk membina Rumah Selangorku kerana mereka sejak 2014 tidak memulakan sebarang usaha walaupun untuk membuat permohonan untuk mendapatkan kebenaran merancang dan juga kelulusan pelan bangunan.

Dan seterusnya, terdapat projek-projek yang juga telah diluluskan kebenaran merancang ataupun kebenaran merancang dan pelan bangunan tetapi tidak memulakan pembinaan juga akan ditarik balik akan kelulusannya iaitu daripada tahun 2014 sebanyak 8 projek yang telah mendapat kebenaran merancang iaitu 2,625 dan juga pada 2014, 6 projek yang telah mendapat kebenaran merancang dan pelan bangunan iaitu 1,513 unit dan juga tahun 2015 sebanyak 31 projek yang mendapat kebenaran merancang merangkumi 2,625 unit dan juga 8 projek pada tahun 2015 juga sebanyak 7,813 unit kesemuanya ditarik balik akan kelulusan oleh sebab mereka gagal untuk memulakan pembinaan atau mereka gagal untuk buat sebarang permohonan untuk mendapatkan kebenaran merancang. Kita mengalu-alukan atau menggalakkan pihak pemaju untuk membina Rumah Selangorku tetapi kita memandang amat serius kepada mereka yang telah kita beri kelulusan tetapi mereka tidak membina atau mereka tidak membuat permohonan KM atau kebenaran merancang. Untuk jumlah unit yang diperlukan untuk membina ataupun rumah yang diperlukan oleh rakyat kalau kita lihat daripada statistik permohonan sejak kita mula menyimpan rekod permohonan untuk mendapat ataupun untuk memohon rumah kos rendah atau Rumah Selangorku, keseluruhannya jumlah terkini adalah sebanyak 100 kalau kita ambil kumulatif, keseluruhannya adalah 145,712 permohonan tetapi apabila kita melakukan pembersihan ataupun kita melihat bahawa terdapat mereka yang telah memohon lama dan kita minta mereka supaya memohon kembali sebab kita perlu *update* kita punya rekod, kalau mereka sudah lama telah buat permohonan kita nak tahu sama ada

mereka masih berminat lagi atau tidak. Apa yang kita lakukan adalah kita minta mereka supaya membuat permohonan semula. Berdasarkan kepada *update*, jumlah yang ada pada kita adalah sebanyak 36,428 unit iaitu 36,428 unit, kita sentiasa membuka kepada orang ramai supaya membuat *update* kepada permohonan mereka selepas 2 tahun kita minta mereka *update* akan mereka punya permohonan sebab kita nak tahu sama ada mereka masih berminat ataupun mereka telah mendapat rumah di tempat-tempat lain.

Soalan kedua, tentang penyelesaian peneroka bandar. Sekarang ini lebih kurang 7,900 warga yang masih tinggal di atas tapak peneroka bandar ini. Penyelesaian kita adalah untuk seboleh mungkin adalah memberi milik kepada mereka telah ada usaha kerjasama di antara Jawatankuasa Tetap Perumahan dan Jawatankuasa Tetap Pembangunan Tanah iaitu kita telah menubuhkan suatu Jawatankuasa untuk kita mengusahakan supaya mereka yang duduk di tanah-tanah kerajaan diberi milik. Setakat ini, kita sedang mempertimbangkan, mengkaji lebih kurang ada 500 buah keluarga yang duduk di atas tanah kerajaan supaya diberi milik terus. Terima kasih.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Soalan tambahan.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Soalan tambahan.

**SPEAKER:** Hulu Kelang dulu.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya adalah berkenaan dengan adakah peruntukan geran pinjaman atau sebagainya daripada kerajaan pusat untuk membangunkan rumah kos rendah dan rumah mampu milik?

**Y.B. DATO' HJ. ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Setakat ini, Kerajaan Persekutuan ada program mereka sendiri iaitu di bawah program PRIMA dan program PPA1M, iaitu Perumahan Penjawat Awam 1 Malaysia kita panggil PAPA M. So, jadi, bermakna bahawa mereka ada program sendiri dan kita ada program sendiri. Untuk makluman, bahawa kebanyakan inisiatif oleh Kerajaan Negeri tidak datang daripada Kerajaan Persekutuan, ia hasil daripada Kerajaan Negeri sendiri ataupun syarikat, anak-anak GLC atau anak-anak syarikat Kerajaan Negeri ataupun pemaju swasta. Ingin saya menegaskan di sini bahawa Kerajaan Negeri sedia bekerjasama dan Kerajaan Negeri memangnya membenarkan PRIMA dan juga PAPA M itu mendapat keistimewaan yang sama dari segi, dari segi kepadatan, dari segi kepadatan unit seekor, kita beri yang sama kepada PAPA M dan juga PRIMA. Kita adalah satu kerajaan di mana kita memahami, memahami kerjasama di antara Persekutuan dan

juga negeri tetapi masalahnya adalah Persekutuan mengambil sikap untuk berkonfrontasi dengan negeri dalam banyak isu-isu yang lain.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Itu bukan perangai budak-budak kecik ke?

**Y.B. DATO' HJ. ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Macam mana?

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Bukan perangai budak-budak kecik?

**Y.B. DATO' HJ. ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Ini, saya kalau nak cerita, anak saya pun tak macam tu. Jadi bermakna bahawa kita mesti menghormati akan .. sebab kita melihat bahawa perumahan adalah satu isu rakyat yang penting. Kita perlu mengetepikan akan sentimen-sentimen politik. Bagaimana kita nak bekerjasama untuk menyelesaikan masalah rakyat. Jadi, saya kerap mengatakan bahawa dalam kita nak menyelesaikan masalah ini, kita sebagai pemimpin politik sepatutnya menjadi seorang negarawan, *Statesman*. Bukan seorang ketua cawangan. (Ahli dewan bersorak). Jadi, bermakna bahawa..Tak apa lah. Jadi, bermakna bahawa saya nak menyatakan di sini, dalam dewan ini bahawa kita sanggup bekerjasama dengan kerajaan Persekutuan.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih. Tadi dijawab permintaan untuk Rumah Selangorku sebanyak 145,000 pemohon. Itu adalah pemohon sekarang. Tetapi ada tak kajian dibuat untuk unjuran permohonan akan datang? Tahun depan? 5 tahun akan datang? Sebab kita kena buat perancangan untuk rumah yang hendak siap dibina 5 dan 10 tahun yang akan datang, lebih awal.

**Y.B. DATO' HJ. ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Untuk makluman Bukit Gasing bahawa 145,712 ini adalah keseluruhan daripada awal kita ada rekod hingga sekarang tetapi kita selalu membersihkan rekod ini dan kita *update* rekod tersebut cuma kita ada, saya tidak ada *figure* tentang kita punya unjuran sekarang tapi kita telah pernah membuat satu kajian yang telah dilakukan oleh Universiti Malaya untuk unjuran masa akan datang, rumah untuk rakyat. Bukan kita pun ada *figure* ataupun kerajaan Persekutuan juga ada unjuran tersebut. Saya akan *release figure* itu secara bertulis. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sri Andalas dulu.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih Speaker. Saya nak tanya EXCO, sekarang ada sedikit masalah tentang *strata title* ini dengan rumah-rumah pangsapuri. *Strata title* ini ialah akta yang baru yang telah dikeluarkan oleh rumah, Kementerian Perumahan dan *Well Being* ini. Saya diberitahu bahawa ada masalah sedikit sebab kita tidak boleh *release* rumah-rumah Selangorku yang telah pun habis bina tanpa mengadakan *strata title* pada masa yang sama. Adakah ini akan jadi *problem* untuk kita di dalam negeri Selangor bila saya nampak ada satu yang sudah pun habis binaan tetapi mereka tidak boleh bagi kepada pembeli sebab ada masalah dengan *strata title* itu? Adakah EXCO diberitahu tentang ini? Sebab ada masalah di antara jabatan UPEN dengan PTG dengan juga Pejabat Tanah atas isu ini yang panjangkan isu pemberian Rumah Selangorku yang telah dibina kepada pembeli-pembeli?

**Y.B. DATO' HJ. ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Terima kasih kepada Sri Andalas. Untuk makluman bahawa undang-undang baru menetapkan bahawa *title* ataupun hak milik itu perlu diberikan semasa kita, mereka mendapatkan CCC, iaitu pihak pemaju perlu membuat segala usaha ataupun segala perkara-perkara yang diperlukan untuk mendapatkan *strata title* sebelum rumah itu ataupun rumah berstrata pangsapuri itu siap. Jadi, bermakna kalau ikut kepada undang-undang yang baru tidak ada masalah. Bila ada CCC terus dapat *strata title* tetapi kita tahu bahawa untuk rumah yang sebelum akta ini dikuatkuasakan, bahawa memang ada masalah atau memang ada kelewatan untuk mendapatkan *strata title* tetapi mereka boleh duduk di situ tetapi hak milik itu akan didapati lewat lah. Tapi untuk makluman Dewan bahawa Portfolio saya sekarang kita tengah berusaha untuk strata bukan rumah untuk dijual. Sekarang 10 tahun, 20 tahun masih lagi tidak ada strata title jadi apa yang kita lakukan bersama-sama dengan PTG, Portfolio saya sedang meneliti beberapa kawasan-kawasan di mana untuk kita berikan kita akan buat *part by part* lah tetapi masalahnya besar sebab sebelum ini tidak dilakukan jadi bermakna bahawa untuk strata *title* ini ada satu Jawatankuasa Khas untuk memastikanlah bahawa kita dapat menyelesaikan satu demi satu, benda ini memang memakan masa yang panjang sebab melibatkan ukur, kita nak ukur unit tersebut, jadi bermakna bahawa sedang dalam proses *insya-Allah*.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker, saya mengucapkan tahniah Y.B. EXCO Perumahan yang begitu kuat tegas berusaha memajukan lebih banyak rumah Selangor ku di negeri Selangor dan saya berminat tentang jawapan yang di mana ada halangan dan konfrontasi daripada pihak Persekutuan mengenai pembinaan-pembinaan projek perumahan ini. Boleh kah Y.B. EXCO huraikan secara terperinci ada kes tertentu di mana ada halangan daripada mereka untuk pengetahuan rakyat atau Dewan Yang Mulia ini. Sekian, terima kasih.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Untuk kita sedikit masa untuk menerangkan dari segi kita balik ke hubungan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Kalau menurut Undang-undang atau pun Peraturan bermakna projek-projek Kerajaan Negeri yang melebihi 100 ekar atau pun melebihi 10,000 penduduk ianya perlu mendapat kelulusan daripada Majlis Mesyuarat Perancangan Fizikal Negara iaitu MPFN jadi bermakna kita tidak boleh meluluskan sampah kita mendapat kelulusan daripada MPFN. Saya Cuma nak *quote* satu kes iaitu di Selangor di mana ada satu projek melibatkan 3,200 lebih rumah SelangorKu. Oleh sebab kita *refer* atau pun rujuk sama MPFN kita tidak boleh memberi perancang atau pun apa-apa kelulusan sehingga ia diluluskan oleh MPFN jadi bermakna sehingga hari ini telah dua kali MPFN projek masih belum diluluskan oleh MPFN jadi bermakna bahawa kita ada 3,200 lebih kurang 3,290 Rumah SelangorKu yang tak dapat kita luluskan dan tak dapat kita mulakan akibat daripada kelewatan kelulusan daripada Kerajaan Pusat. Jadi bermakna bahawa kalau benar-benar berlaku kerjasama saya berharap supaya perkara-perkara ini tidak berlaku lagi.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Batang Kali.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Y.B. EXCO saya suka menarik perhatian mengenai kerjasama antara Negeri.....

**TUAN SPEAKER :** Soalan, soalan.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Pusat, soalan di sini apakah betul-betul halangan yang menyebabkan 3,200 masalah dia di dalam kita punya untuk mencapai kelulusan 3,200 unit, apa bentuk masalah?

**TUAN SPEAKER :** Tak payah jawab, dah jawab tadi. Soalan spesifik tak boleh untuk soalan tambahan, soalan seterusnya Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih soalan no. 17

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN**

**(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : LAWATAN INVEST SELANGOR KE LUAR NEGARA**

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-
  - a) Senaraikan 10 pelaburan terkini di Selangor hasil daripada lawatan Invest Selangor ke luar negara.

- b) Senaraikan semua lawatan, delegasi dan kos bagi lawatan Invest Selangor ke luar negara.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih saya menjawab bagi pihak EXCO yang sedang mengadakan lawatan di luar negara. Yang pertama sebagai sebuah agensi yang bertanggungjawab untuk mempromosikan pelaburan ke luar negara Invest Selangor Berhad meletakan 5 sektor utama yang letak dalam *Master Plan Investment of Selangor*.

- 1) Sains Hayat
- 2) Pembuatan makanan dan minuman
- 3) Elektrik dan Elektronik
- 4) Peralatan atau pun Alatan Pengangkutan
- 5) Jentera dan juga Alatan

Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian sehingga Jun tahun 2017 sebanyak 44 projek yang berpotensi telah direkodkan oleh Invest Selangor antara cadangan-cadangan projek tersebut adalah melibatkan 18 projek yang melibatkan sekotor-sektor *Oil and Gas*, Agrofarm, Industri Kimia dan Teknologi Kimia. 7 projek berkenaan Elektrik dan elektronik, 6 projek Sains Hayat, 6 projek *transport and equipment* atau pun pengangkutan dan peralatan dan 3 projek Jentera dan juga Alatan, sementara ada 4 projek berkenaan dengan *food and beverages*. Dengan itu ada 44 projek telah dicatatkan dengan anggaran nilainya RM2.8 billion tolak 0.2 billion jadi 2.6 billion.

Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian lawatan-lawatan yang telah dilaksanakan oleh Invest Selangor dalam misi penggalakan tahun 2017. Yang pertama Misi Penggalakan Pelaburan ke India Hyderabad & New Delhi pada Februari 2017 yang melibatkan 5 orang delegasi yang diketuai oleh EXCO Negeri dan juga Invest Selangor dengan kos berjumlah RM121,528.91. Lawatan yang kedua Teknikal ke Jerman, Belgium dan Sepanyol pada April hingga Mei tahun 2017 yang delegasinya 2 orang daripada Invest Selangor dengan kosnya sebanyak RM71,472.50. Yang ketiga Misi Pelaburan dan Penggalakan Pelaburan ke Taiwan, melibatkan 3 bandar Kaohsiung, Tainan dan Taipei City yang diketuai oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar, EXCO Invest Selangor, Perancang Ekonomi dan juga wakil-wakil daripada Syarikat-syarikat seperti Central Spectrum yang melibatkan 21 orang yang berlangsung pada bulan April yang lalu.

Ahli-ahli Yang Berhormat seterusnya, pada keempat Misi Pelaburan dan Penggalakan Pelaburan ke China, Suzhou dan Guangzhou pada April dan Mei yang diketuai oleh Y.B. EXCO dan 6 yang lain pada Central Spectrum dan juga Invest Selangor yang melibatkan kos RM65,106.50 dan yang kelima Misi Penggalakan Pelaburan Jerman

dan Belgium, Brussels, Hamburg dan Munich yang berlangsung pada Mei yang lepas 13 delegasi di ketuai oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar dan juga EXCO Kerajaan Negeri, Unit Perancang Ekonomi dan juga wakil daripada Invest Selangor dan Syarikat-syarikat yang berkaitan iaitu Syarikat seperti UMW dan Strand Aerospace (M) Sdn Bhd. kerana misi ini melibatkan Industri Angkasa dengan kos sebanyak RM158,287.37.

Misi yang keenam adalah Misi Promosi Penggalakan Pelaburan ke X'ian pada Jun 2017 yang diketuai oleh Dato' Teng Chang Khim, selaku EXCO dan seorang wakil daripada Invest Selangor ada 2 orang dengan kos RM7,108.76. Yang ketujuh penyerahan di dalam Chalet / Pavillion Malaysia di International Paris Air Show pada 17 dan 23 Jun 2017 dengan kos sebanyak RM170,599.72 yang diketuai oleh EXCO dan wakil-wakil daripada Invest Selangor 4 orang dan secara keseluruhan untuk tahun ini sehingga Jun kita telah berbelanja sebanyak RM696,969.74. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya nak menyentuh sedikit tentang ulasan Batang Kali semalam dan kita hanya berbelanja sekitar 2.4% daripada pelaburan dan juga daripada dana yang diperuntukkan oleh Invest Selangor, jadi tidak ada usaha pembaziran malahan kalau kita bandingkan rekod sebagai Menteri Besar Barisan Nasional dulu satu kota yang mereka melawati berbelanja RM1 juta. Kita telah melawat 7 kota, 7 bandar dan 7 negara dengan kos RM699,000 terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Selat Klang.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BT ALI:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan 18.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI  
(N45 SELAT KLANG)**

**TAJUK : PINJAMAN/BIASISWA KERAJAAN NEGERI**

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-
  - a) Berapakah jumlah pinjaman SUK untuk pelajar IPT yang telah diluluskan dari 2008 hingga sekarang? Berapa pelajar yang dapat manfaat?
  - b) Berapakah pinjaman yang telah ditukar kepada basiswa sejak 2008?

**Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD:** Tentang soalan a) SUK untuk pelajar IPT yang telah diluluskan sejak 2008 sehingga hari ini, jumlah pinjaman Lembaga Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor, kita telah meluluskan pinjaman pelajaran kepada 9,117 pelajar yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM155,976,351. Bagi jawapan b) jumlah pinjaman yang telah ditukar kepada basiswa, jumlah pinjaman

pelajaran yang telah dilupuskan sebagai biasiswa sejak 2008 adalah berjumlah RM11,393,708.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER :** Selat Klang.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI :** Adakah Kerajaan bercadang untuk menambah peruntukan tabung pinjaman atau biasiswa ini memandangkan di Selangor ini ramai pelajar-pelajar yang bijak dan juga kita melihatkan di mana pihak pusat kurang memberi fokus kepada pinjaman pelajaran dan oleh kerana dengan *insya-Allah* rezeki yang lebih ini mungkin tambah sekurang-kurang 20% daripada peruntukan ini untuk diberikan kepada anak-anak di Selangor.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Kita akan mengambil pandangan tersebut ia kita sedar tentang banyak pemotongan belanjawan pendidikan yang dilakukan oleh Kerajaan Pusat, PTPTN dan juga IPTA dan untuk makluman sebenarnya dalam tempoh 3 tahun ke belakang ini kita telah menambah beberapa insentif baru termasuk Tabung Sara Diri, Biasiswa Selangor Ku untuk pelajar-pelajar kuiz dan UNISEL Biasiswa anak-anak orang asal belajar di UNISEL. Kita juga telah mulakan program Peduli Siswa untuk IPTA-IPTA di dalam Negeri Selangor dan kita juga baru-baru ini telah memulakan program Peduli Siswa untuk pelajar-pelajar Selangor yang belajar di Timur Tengah dan kita juga telah memperkenalkan program biasiswa *Brain Bank*, Biasiswa PHD untuk pelajar-pelajar ke universiti-universiti terkemuka di luar negara jadi sebenarnya kita sememangnya meningkatkan perbelanjaan Sektor Pendidikan Tinggi dan kita akan melihat keadaan semasa dan juga kemampuan Kerajaan Negeri untuk perancangan masa hadapan.

**Y.B. TUAN IR. HJ MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Permatang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih, saya nak tanya mengenai pertukaran pinjaman kepada biasiswa. Apakah pertama hanya melibatkan Universiti-universiti Awam, keputusan yang cemerlang tukar jadi biasiswa. Apakah melibatkan Universiti Awam atau pun juga melibatkan Universiti Swasta? Kemudian....

**TUAN SPEAKER:** Satu sahaja.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD:** Ia meliputi semua IPTA dan IPTS yang dihadiri oleh pelajar-pelajar yang menerima pinjaman Kerajaan Negeri Selangor dan dia bermula daripada *pointer* 3.25 apabila ia bertukar menjadi separa biasiswa dan apabila mencecar 3.75 ia akan bertukar menjadi biasiswa penuh. Jadi tak kira IPTA atau IPTS yang diiktiraf oleh MQA semuanya akan mendapat layanan yang sama.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik seterusnya.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Soalan no. 19

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI  
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : TAHFIZ SELANGOR**

19. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-
  - a) Berapa banyak jumlah Maahad Tahfiz yang berdaftar di Negeri Selangor?
  - b) Berapa ramai jumlah pelajar Tahfiz keseluruhannya?
  - c) Selain menghafaz Al-Quran, Apakah Kurikulum lain yang diajarkan di Maahad-Maahad Tahfiz ini?

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Salam Sejahtera dan terima kasih Kota Anggerik, Tuan Speaker, Kota Anggerik tanyakan kaitan tentang Institusi Tahfiz Negeri Selangor. Sehingga pada hari ini jumlah Maahad Tahfiz yang berdaftar di Negeri Selangor ialah 265 buah Maahad Tahfiz dan pelajar keseluruhan adalah sebanyak 15,504 orang murid pelajar. Kurikulum yang diajar selain menghafaz al-Quran

- i. Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Kementerian Pelajaran Malaysia.
- ii. Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) Kementerian Pelajaran Malaysia
- iii. Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) Kementerian Pelajaran Malaysia
- iv. Kurikulum Agama Azhari – Jabatan Agama Islam Negeri Selangor

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Apakah kawalan di peringkat Kerajaan Negeri ke atas pertubuhan Maahad Tahfiz ini nampaknya dapat sambutan dari sekalian.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih, sehingga pada hari ini Kerajaan Negeri bekerjasama dengan Persatuan Institusi Tahfiz Selangor atau pun

untuk mendaftarkan Tahfiz-tahfiz yang begitu banyak di negeri Selangor terutama apabila berlaku pendaftaran ini maka mudahlah untuk kita memantau dan kita mewajibkan kepada mereka bukan hanya sekadar pendidikan menghafaz al-Quran tapi juga Kurikulum-kurikulum Akademik yang harus demi kepentingan pelajar dan keperluan negara dan juga negeri Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Telok Datok.

**Y.B. TUAN LOH CHEE HENG :** Tuan Speaker, soalan saya ke 20.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHENG HENG  
(N52 TELOK DATOK)**

**TAJUK : BAYARAN CAJ ABSTRAKSI AIR BAGI KEGUNAAN AKUAKULTUR**

20. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Apakah keputusan Kerajaan Negeri mengenai kenaikan harga bayaran untuk sangkar sebanyak RM2.00/M<sup>2</sup> kepada penternak-penternak ikan di Negeri Selangor?
  - Adakah Kerajaan Negeri setuju dengan kenaikan caj tersebut menjadi salah satu punca kenaikan harga hasil ternakan?

**Y.B. TUAN ZAIDI BIN ABDUL TALIB:** Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Tuan Speaker dan terima kasih kepada Teluk Datok yang bertanya. MMKN Yang Ke 15/2016 pada 27 April 2016 telah menetapkan kadar bayaran lesen berkedudukan sementara bagi penternakan ikan laut dalam sangkar di kawasan pengairan di antara Pulau Ketam, Pulau Tengah dan Pulau Kelang. Iaitu dengan kadar RM0.40 satu meter persegi. Maka berdasarkan pada soalan Teluk Datok yang mengatakan RM2.00 satu meter persegi ataupun yang dilapur oleh media RM2.00 sekaki persegi adalah tidak benar. Kadar ini kalau kita lihat adalah merupakan sangat rendah berbanding dengan kadar yang ditentukan nilainya oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) adalah RM4.00 satu meter persegi dan kadar ini juga adalah sangat rendah dibandingkan dengan negeri-negeri lain sebagai contoh Pulau Pinang RM0.45 semeter persegi. Perak RM0.60 semeter persegi. Johor RM0.50 semeter persegi dan Selangor hanya RM0.40 semeter persegi. Kerajaan Negeri sebelum tahun 2016 tidak pernah mengenakan apa-apa bayaran termasuk bayaran LPS terhadap pengusaha penternakan ikan laut dalam sangkar di kawasan

perairan Pulau Ketam walaupun pengusaha telah beroperasi tanpa kelulusan dan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri maka kenaikan harga hasil ternakan ikan ini juga bukanlah disebabkan oleh kadar bayaran LPS yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri memandangkan pengusaha tidak pernah menjelaskan sebarang bayaran walaupun setelah kelulusan LPS diberikan dan tempoh bayaran juga telah tamat.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Kinrara.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Terima Kasih Tuan Speaker, Soalan 21.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SZE HAN  
(N30 KINRARA)**

**TAJUK : CUKAI PELANCONGAN**

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
  - a) Apakah kesan terhadap industri sektor pelancongan di Negeri Selangor setelah pelaksanaan cukai pelancongan oleh Kerajaan Pusat?
  - b) Apakah langkah Kerajaan Negeri bagi mengatasi setiap kesan tersebut?
  - c) Adakah cukai pelancongan ini akan disalurkan kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan pembangunan sektor pelancongan Selangor.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Kinrara. Tuan Speaker, saya ingin menjawab soalan ini bersekali dengan soalan 131 dan juga soalan 96. Berkaitan tentang cukai pelancongan. Kerajaan Negeri Selangor masih tidak mendapat sebarang penerangan dan maklumat lanjut secara rasmi berkaitan pelaksanaan cukai pelancongan oleh Kerajaan Pusat di Negeri Selangor. Tiada sesi taklimat dan penerangan lengkap yang telah dijalankan oleh pihak kementerian dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia mengenai Badan-badan atau Agensi yang terlibat yang bakal mengurus hasil kutipan tersebut. Secara dasarnya Kerajaan Negeri Selangor tidak setuju dengan pelaksanaan cukai pelancongan yang lebih membawa impak negatif mengikut beberapa perkara seperti berikut:-

1. Adalah memberi impak negatif kepada keadaan ekonomi semasa negara. Cukai tersebut diperkenalkan pada waktu yang tidak sesuai kerana industri pelancongan negara sedang meningkat manakala inflasi berada pada paras

tinggi. Pengenalan cukai ini juga berisiko melembapkan aktiviti ekonomi dan menjelaskan pendapatan rakyat terutamanya penggiat industri perhotelan dan hospitaliti yang membantu dalam menyumbangkan dalam peningkatan ekonomi industri pelancongan. Kerajaan Negeri Selangor syorkan pihak Kerajaan Persekutuan untuk menjalankan kajian yang lebih terperinci lagi khusus bagi mengetahui kesan berangkai daripada pelaksanaan cukai pelancongan terbabit terutamanya terhadap industri-industri tempatan yang mempunyai kaitan dengan industri pelancongan.

2. Kenaikan kos lawatan untuk melancong. Pengenalan cukai tersebut menyebabkan kenaikan yang mendadak bagi pelbagai kos yang melibatkan elemen percutian, seperti kos penginapan, pakej lawatan, acara berkumpulan ataupun *mice* dan juga kos pengangkutan. Hal ini juga menjelaskan lawatan untuk para pelancong yang sudah menempah lawatan perjalanan dan percutian mereka di Malaysia dengan lebih awal.
3. Impak kepada jualan bilik hotel ataupun penginapan untuk penggiat industri hotel pada asalnya hotel yang bertaraf bintang satu sehingga lima yang terbaru adalah bertaraf empat dan lima bintang sahaja. Jadi kita dapat banyak aduan tentang perkara ini di mana ia memberikan kesan kepada harga bilik penginapan di dalam pasaran.

Untuk makluman, Dewan yang mulia ini, hotel pihak hotel ataupun penginapan mereka sudah membayar cukai, cukai seperti cukai kerajaan dan juga cukai GST. Dengan tambahan cukai pelancongan ini maka kosnya semakin meningkat untuk pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia.

4. Adalah impak kepada kedatangan pelancong-pelancong ke Negeri Selangor. Ianya bakal menjelaskan kedatangan pelancong terutamanya pelancong domestik. Walaupun hotel bertaraf empat atau lima bintang ketika ini lebih menumpukan sasaran mereka terhadap pelancong asing namun kehadiran pelancong tempatan juga perlu diambil kira. Hal ini kerana pelancong tempatan juga adalah segmen terpenting dalam sektor pelancongan negara.

Untuk soalan, jawapan untuk soalan 96 daripada Balakong. Balakong telah tanya jumlah bilik. Maaf. Jumlah hotel yang terjejas berikutan pelaksanaan cukai pelancongan. Pada asalnya kerana Akta yang diluluskan merangkumi hotel satu bintang sehingga lima bintang. Jadi jumlah bilik hotel yang bakal terjejas adalah 15,223 bilik. Selepas pengumuman yang terkini di mana cukai pelancongan kononnya akan dilaksanakan hanya di hotel empat dan lima bintang di seluruh negeri Selangor maka

jumlah bilik yang terjejas adalah 7,121 bilik ataupun 29 buah hotel yang bertaraf empat dan lima bintang di negeri Selangor.

Kalau kita buat kira-kira secara ringkas, 700 maaf. 7,121 bilik dengan tambahan kos RM20.00 dengan 70% dengan izin *occupancy per day* maka RM99,694.00 bakal dikutip ataupun RM36 juta setiap tahun maka Kerajaan Negeri sarankan kepada pihak Kerajaan Pusat kalau mereka masih ingin melaksanakan cukai pelancongan ini, sekurang-kurangnya RM36 juta yang dikutip daripada hotel-hotel di negeri Selangor harus di salur balik kepada Selangor supaya kita boleh membantu dan juga memberi manfaat secara langsung kepada industri perhotelan di negeri Selangor.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Soalan Tambahan.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Kinrara.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Ya terima kasih. Mengikut kenyataan Menteri Pelancongan cukai pelancongan ini akan dilaksanakan setelah Kastam Diraja bersedia. Jadi soalan saya adalah, adakah Kerajaan Negeri dapat menangguhkan pelaksanaan ini.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Kerajaan Negeri sebenarnya tidak ada hak dari segi Undang-undang kerana Undang-undang ini cukai dan sebagainya di peringkat Persekutuan. Namun begitu bukan sahaja Kerajaan Negeri Selangor tetapi semua pihak termasuk pihak daripada industri pelancongan dan juga negeri-negeri lain yang terbaru saya juga ada baca negeri Sarawak juga memohon pihak Kementerian Pelancongan dan juga Kastam untuk menangguhkan lagi kerana untuk melaksanakan kutipan tersebut satu sistem yang lengkap harus disediakan. Kalau kita lihat macam mana GST dilaksanakan ianya mengambil masa untuk membuat *accounting software*, untuk pihak Kastam memberi taklimat, penerangan dan sebagainya. Maka saya rasa satu dasar yang dibuat pada masa yang terlalu singkat yang meliputi kutipan cukai dan sebagainya khasnya kalau dilaksanakan secara, dilaksanakan macam sewenang-wenangnya maka ianya tidak akan berjaya.

**Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Soalan Tambahan.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Ya, Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih, saya nak tanya EXCO sikit, di Selangor ni hotel bintang satu ada berapa ya? Tadi you kata satu sampai bintang tiga. Bintang satu ni, saya dengar bintang tiga ada, bintang satu ni, jenis apa hotel dia?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Dalam sistem perhotelan memang ada bintang, pelbagai bintang. Bintang-bintang di langit. Nanti-nanti bagi saya dalam ini, dengan izin 30 saat. Di negeri Selangor, tadi saya dah sebut untuk hotel lima bintang, ada empat bintang. Di negeri Selangor ada hotel satu bintang - 2,057 bilik. Hotel dua bintang - 2,542 bilik. Hotel tiga bintang – 3,503 bilik. Jadi jumlah termasuk empat dan lima bintang adalah 15,223 bilik di negeri Selangor.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Seri Serdang.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya No. 22.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL  
(N29 SERI SERDANG)**

**TAJUK : TUISYEN ON-LINE**

22. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah keberkesanan serta penglibatan tuisyen on line bagi setiap DUN?

**Y.B TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Terima kasih Yang Berhormat Seri Serdang. Setakat ini, setakat Jun 2017 ketika kita membuat jawapan ini, program tuisyen *on-line* telah melibatkan semua DUN di mana penyertaan yang melibatkan 56 buah kawasan Dewan Negeri yang berada di negeri Selangor dan jumlah pelajar yang terlibat di dalam program ini ialah sebanyak 1,054 orang. Tentang kajian keberkesanan kita akan laksanakan apabila program ini telah matang kerana program ini baru sahaja diperkenalkan pada 5 April 2017 yang lalu. Kita mencadangkan untuk melaksanakan kajian keberkesanan selepas tamat Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk dibuat perbandingan dengan keputusan sebelum peperiksaan dan kita juga akan meninjau sekiranya boleh diperbaiki lagi dan sekiranya ada solusi-solusi daripada tuisyen-tuisyen *on-line* yang lain yang boleh digunakan oleh Kerajaan Negeri.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan No. 23.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN GAN PEI NEI  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : DASAR PERUMAHAN NEGERI SELANGOR**

23. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Bilakah Dasar Perumahan Negeri Selangor digubal dan apakah visi utama dasar ini?
  - Senarai jumlah unit Rumah Selangorku yang disasarkan, telah dibina dan unit yang tidak dapat dijual mengikut kategori dan pecahan daerah?
  - Apakah faktor yang menyebabkan Rumah Selangorku tidak dapat dijual?

**Y.B. DATO' IR ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Rawang. Untuk menjawab soalan tersebut, Dasar Perumahan mampu milik negeri Selangor atau Rumah Selangorku telah mula dikuatkuasakan pada 1 Januari 2014. Berdasarkan kepada Pekeliling Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor, Bil.1/2013 berkenaan Dasar Perumahan mampu milik Negeri Selangor atau Rumah Selangorku berdasarkan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 35 tahun 2013 bertarikh 13 November 2013 bagi menggantikan Dasar lama iaitu Dasar 20, 20,10 atau Dasar 20, 10, 10. Antara visi utama Dasar Rumah Selangorku bagi merealisasikan matlamat satu keluarga satu kediaman yang sempurna. Iaitu memastikan setiap rakyat atau keluarga mempunyai tempat tinggal yang baik, selesa, selamat serta kondusif untuk didiami dan saya ingin menekankan kepada penyediaan rumah mampu milik atau *affordable homes* yang dipelbagaikan dari segi lokasi, jenis dan saiz pada harga bermula daripada RM42,000.00 sehingga RM250,000.00.

Untuk soalan tentang Rumah Selangorku yang masih lagi tidak terjual sehingga kini, ianya adalah baki Rumah Jenis A, iaitu dengan harga RM42,000.00 terdapat di Hulu Langat terdapat masih lagi 15 unit, di Gombak ada 30 unit. Keseluruhannya ada 45 unit. Jenis B, iaitu RM100,000.00. Di Hulu Langat ada 551 unit. Di Sepang ada 23 unit, keseluruhannya ada 574 unit. Sementara Jenis C iaitu RM150,000.00 hingga RM180,000.00. Di Petaling ada 102 unit. Di Klang ada 35 unit. Di Hulu Langat ada 196 unit. Di Gombak ada 85 unit. Di Sepang ada 348 unit. Keseluruhannya ada 766 unit. Dan Jenis D iaitu RM220,000.00 hingga RM250,000.00. Di Petaling ada 383 unit. Di Klang ada 65 unit. Di Hulu Langat ada 153 unit. Keseluruhannya ada 601 unit. Dan keseluruhan unit-unit kosong yang boleh ditawarkan adalah sebanyak 1,986 unit.

Walau bagaimanapun unit-unit tersebut sedang kita tawarkan kepada mereka yang telah mendaftar untuk membeli Rumah Selangorku.

Antara faktor Rumah Selangorku tidak dapat dijual disebabkan pelbagai faktor seperti faktor manusia iaitu pembelinya tidak mendapat pinjaman. Faktor utama adalah mereka gagal untuk mendapatkan pinjaman atau pun pembiayaan di institusi-institusi kewangan seperti bank kerana kita tahu bahawa bank sekarang ini agak ketat dalam menetapkan, agak ketat dalam kelulusan pinjaman perumahan. Perkara-perkara lain, antara lokasi, reka bentuk itu tidaklah fakta utama. Dan apabila kita meluluskan pembinaan Rumah Selangorku kita telah mengambil kira bahawa ianya boleh dibina di lokasi sekiranya ada permintaan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Sri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih Speaker. Saya hendak tanya EXCO, baru-baru ini dasar untuk pembinaan Rumah Mampu Milik ataupun Rumah Selangorku ini, Kerajaan Pusat telah buat satu kenyataan mereka akan menggunakan tanah-tanah yang telah dikosongkan oleh WK, WIK, dan tanah-tanah. IWK sorry. Tanah-tanah ini akan digunakan untuk pembinaan rumah-rumah. Di negeri Selangor sekarang ada banyak *swathes of land* yang telah pun dikosongkan sebab IWK telah di sistem *upgraded* so apa dasar Kerajaan Negeri kalau tanah-tanah ini digunakan untuk dibenarkan Rumah-rumah Mampu Milik atau Rumah Selangorku di dalam Negeri Selangor ataupun ada syarat-syarat yang ditentukan oleh Kerajaan Negeri untuk tanah-tanah ini digunakan untuk pembinaan Rumah-rumah Mampu Milik atau Rumah-rumah Selangorku?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Ada dua perkara di sini yang pertama adalah tanah tersebut milik siapa? Adakah diserahkan kepada kerajaan? kepada STP/Suruhanjaya Tanah Persekutuan? Atau ianya masih milik pemaju? sebab ada kes di mana loji-loji ini masih dimiliki oleh pemaju. Pemaju apabila ia ataupun apabila loji tidak digunakan atau *downsize* oleh sebab dengan teknologi yang baru tidak memerlukan kawasan yang besar maka pemaju memohon untuk membangunkan kawasan tersebut tetapi kalau di bawah STP telah pun kita serahkan kepada Kerajaan Persekutuan bermakna ianya hak Kerajaan Persekutuan tetapi *zoning* tersebut adalah bukan *zoning* perumahan. *Zoning* tersebut adalah *zoning* untuk loji. Jadi bermakna kalau sekiranya mereka mahu membangunkan tanah tersebut mereka perlu membuat permohonan kepada Kerajaan Negeri dan untuk pertama untuk menukar *zoning* di dalam Rancangan Tempatan iaitu kepada perumahan. Dan apabila kita melihat di situ apa sudah kita tentu kita pertimbangkan dari segi kesesuaian, dari segi kapasiti ataupun kepadatan-kepadatan sama ada ia

akan memberi kesan kepada kawasan tersebut. Yang kedua, adalah dari segi TIA ataupun *Traffic Impact Assessment/TIA* itu bermakna dengan peningkatan itu ia akan menyebabkan kawasan tersebut sesak. Jadi bermakna ada banyak pertimbangan-pertimbangan yang perlu dilakukan oleh Kerajaan Negeri terutama oleh Pihak Berkuasa Tempatan sebelum tanah-tanah yang dikosongkan oleh IWK dibina Rumah Mampu Milik, ia perlu melalui proses biasa. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Batang Kali.

**YB DATUK MAT NADZRI BIN AHMAD DAHLAN:** Soalan nombor 24.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK MAT NADZRI BIN AHMAD DAHLAN  
(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK: MAKLUMAT PELABURAN**

24. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar: -

- Nyatakan data-data pelaburan dan pelaburan lengkap yang diterima oleh Selangor berbanding negeri-negeri lain sejak tahun 2000 hingga kini?
- Apakah faktor-faktor yang menyebabkan pelaburan tinggi diterima?

**Y.B. TUAN AMIRUDDIN BIN SHARI:** Terima kasih Batang Kali, bagi jangka masa 2000. Pada tahun 2000 hingga 2016, sebanyak 4,713 projek perkilangan telah diluluskan di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan RM136.058 bilion. Dari jumlah tersebut, RM70.3 bilion adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak RM65.757 bilion adalah daripada *investment* ataupun pelaburan asing. Dari jumlah tersebut, kalau diukur daripada jumlah kewangan dan jumlah nilai pelaburan Negeri Selangor menduduki tempat kedua selepas Johor yang mencatatkan nilai pelaburan tertinggi iaitu sebanyak RM166.78 bilion. Namun suka saya mengingatkan kalau diukur daripada segi jumlah projek Negeri Selangor menduduki tempat pertama dengan mencatatkan 4,713 projek berbanding Johor 3,225 projek. Kalau diukur dari jumlah tawaran tenaga kerja atau peluang pekerja yang ditawarkan Selangor menduduki tempat pertama dengan menawarkan 364,193 peluang pekerjaan berbanding Negeri Johor 339,355 peluang pekerjaan bagi projek-projek dan pelaburan-pelaburan yang telah dicatatkan. Saya senaraikan selain negeri-negeri lain tersebut. Sarawak di tempat ketiga dengan nilai pelaburan sebanyak RM101 bilion, dan 71,000 peluang pekerjaan. Pulau Pinang di tempat keempat dengan nilai projek 2,193 projek dan jumlah pelaburan sebanyak RM88 bilion, 245 000 peluang pekerjaan. Kedah Darul Aman memberi peluang

pekerjaan 808 projek dengan jumlah 91, 000 tenaga kerja ditawarkan dan jumlah pelaburan bernilai RM58 bilion.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, terdapat banyak faktor yang menyebabkan negeri Selangor merupakan sasaran dan destinasi pelaburan yang digemari. Yang pertamanya, kestabilan politik dan keyakinan pelabur terhadap dasar pentadbiran negeri untuk pelabur melabur di Selangor dan juga mengembangkan pelaburan yang sedia ada. Kedua, penawaran kawasan industri yang strategik dan kondusif di Negeri Selangor serta kemudahan infra yang agak sempurna. Ketiga, kos pelaburan dan awalan perniagaan yang kompetitif. Keempat, Pelaksanaan projek baru yang berintensif, yang berintensif modal bagi penggunaan teknologi baru yang lebih kompetitif. Kelima, kewujudan eko-sistem pelaburan yang lebih baik berbanding negeri-negeri lain. Keenam, kewujudan industri sokongan dan perkhidmatan sebagai pelengkap kepada rangkaian bekalan industri ataupun *Industry Supply Chain* bagi membantu pertumbuhan dan perkembangan perniagaan. Seterusnya yang ketujuh, bekalan tenaga kerja mahir yang tertumpu di kawasan Lembah Klang turut menjadi faktor daya penarik. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Balakong.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Terima kasih, soalan saya nombor 25.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK:MAKLUMAT PELABURAN**

25. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar: -

- a) Nyatakan jumlah GST yang dibayar oleh agensi-agensi Kerajaan Negeri masing-masing pada 2016.
- b) Nyatakan jumlah OUTPUT TAX yang telah dipulangkan.
- c) Nyatakan jumlah GST yang dikategorikan sebagai pengecualian bagi kerja-kerja infrastruktur yang masih tertunggak.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Terima kasih kepada Balakong. Soalan, yang dinyatakan jumlah GST yang dibayar oleh agensi-agensi Kerajaan Negeri masing-masing pada 2016. Berdasarkan rekod Perbendaharaan Negeri, jumlah bayaran GST yang telah dibuat oleh Jabatan yang diberi peruntukan oleh Pentadbiran

Kerajaan Negeri Selangor sepanjang tahun 2016 adalah seperti berikut: Jumlah bayaran GST yang diberi peruntukan oleh Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2016 bilangan 1 Kategori Perolehan, Perolehan Pelbagai Perkhidmatan dan Kerja Bayaran GST nya adalah sebanyak RM 84,261,362.40 iaitu RM 84,261,362.40. Perolehan Kerja Khusus bagi Projek MARRIS kendalian Pihak Berkuasa Tempatan RM11,852,154.31 iaitu RM11,852,154.31 jumlah besarnya ialah sebanyak RM96,113,516.71 iaitu RM96,113,516.71.

Soalan keduanya, adalah nyatakan jumlah OUTPUT TAX yang telah dipulangkan. Berdasarkan dokumen *GST Guide For Input Tax Credit* yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) pada 25 April 2013, seseorang yang berdaftar di bawah kerangka GST Malaysia adalah dikehendaki untuk mengenakan GST terhadap output dibuat untuk pelanggan iaitu barang dan perkhidmatan yang layak dikenakan cukai. Beliau adalah layak untuk menuntut semula sebagai kredit terhadap apa-apa kenaan GST ke atas belian wang menjadi input kepada perniagaannya. Tuntutan semula itu adalah bagi mendapatkan semula *Input Tax* yang telah dibayar dan bukan untuk mendapatkan semula *Output Tax* kerana pada asasnya *Output Tax* tidak layak dituntut semula. Proses tuntutan semula ini wujud bagi mengelakkan proses pencukaian berganda (*double taxation*) di mana hanya nilai tambah (*added value*) di setiap peringkat sahaja dicukaikan. Sebagai makluman, perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan yang menerima sepenuhnya waran peruntukan dari Kerajaan Negeri Selangor adalah dikategorikan sebagai di luar skop kenaan GST selaras dengan maksud Seksyen 64(1), Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 yang berbunyi seperti berikut:-

(dengan izin)

*Non Application to Government*

64 (1) *This Act shall not apply in relation to any supply of good services made by –*

- (a) *The Federal Government and State Governments, unless the Minister otherwise directs by order published in the Gazette; or*
- (b) *Any local authority or statutory body in respects of its regulatory and enforcement functions.*

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri tidak pernah mengemukakan tuntutan atau menerima apa-apa pemulangan *Input Tax*.

Untuk soalan seterusnya iaitu nyatakan jumlah GST yang dikategorikan sebagai pengecualian bagi kerja-kerja infrastruktur yang masih tertunggak. Untuk makluman Yang Berhormat, satu-satu pengecualian atau *relief* dari kenaan GST untuk perolehan kerajaan pada masa ini adalah dalam perolehan bekalan (*supply*) sahaja dan pengecualian ini hanya layak dinikmati oleh Jabatan di bawah Kerajaan Negeri. Justeru, kesemua perolehan kerja bagi infrastruktur atau projek fizikal yang dilaksanakan oleh Jabatan di bawah Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri adalah tertakluk kepada kenaan GST pada kadar enam (6) peratus mengikut Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Lembah Jaya.

**Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan nombor 26.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(N20 LEMBAH JAYA)**

**TAJUK: PENGURUSAN SISA PEPEJAL**

26. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar: -

- a) Nyatakan status terkini proses pertukaran syarikat pengendali pengurusan sisa pepejal?
- b) Bagaimanakah syarikat pengendali yang baharu ini dapat memberi nilai tambah kepada rakyat Negeri Selangor?
- c) Berapakah anggaran penjimatan perbelanjaan Kerajaan (jika ada) berbanding sistem terdahulu?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, terima kasih Lembah Jaya. Kerajaan Negeri melalui MMKN Bil.42/2016 pada 21 Disember 2016 telah bersetuju untuk meluluskan keluasan perkhidmatan PMC di Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) setelah melihat keberkesanan pelaksanaan PMC di Majlis Perbandaran Klang (MPK) sebagai pilot projek sebagai menggunakan modul operasi yang sama. Penggunaan PMC di MPAJ telah dimulakan dekat bermula 1 Mac 2017 yang lalu. KDEB Waste Management juga telah memperkenalkan MPAJ bagi mempertingkatkan keseluruhan sisa pepejal yang melibatkan perkara-perkara berikut iaitu:

- i) Pemberian lori kontraktor yang baru dilengkapi dengan sistem auto *locating system*, kamera undur, dan cctv kontraktor untuk kaedah sewa beli.
- ii) Penggunaan lori *compactor* di setiap zon iaitu 1 zon 1 lori.
- iii) Kewujudan *centralized command center* yang berperanan sebagai pusat kawalan operasi kutipan sisa pepejal dalam menerima aduan dan pemantauan penyelia kawasan dan kontraktor kutipan.
- iv) Pengguna telefon pintar yang dilengkapi dengan alat pengesan atau pun inspektor bagi memantau pergerakan penyelia kawasan dan lori *compactor*.
- v) Penggunaan implikasi *air clean* sebagai salah satu minimum kepada pengguna untuk menyalurkan aduan.
- vi) Penggunaan aset-aset lain selain *compactor* dan *rolling cycle* sebagai aset sokongan.

Modal penggunaan KDEB Waste Management *re-contractor* baru kepada *sub-contractor* menggunakan kaedah sewa beli yang pertama seumpamanya di Malaysia.

Penggunaan lori *compactor* yang baru yang lebih tahan lasak dan dilengkapi pelbagai sistem dan gazet terkini dan dapat menyelesaikan isu *typical* yang sering dihadapi di dalam industri sisa pepejal seperti lori yang uzur dan sering rosak. Tumpahan air ataupun *leakage* Prestasi dan keupayaan lori yang menurun untuk memadatkan sampai ataupun *compressor* dan sebagainya. Pemasangan kamera undur yang merupakan aksesori yang wajib di setiap lori *compactor* yang baru KDEB Waste Management akan mengurangkan kebarangkalian berlakunya kes-kes pelanggaran apabila lori tersebut berundur. CCTV yang dipasang pada lori *compactor* juga membolehkan pemantauan transit kutipan sampah dilakukan secara langsung ataupun *real time* daripada *commit center*. Usaha menambah baik kan dan pemodenan infrastruktur yang dilaksanakan oleh KDEB Waste Management adalah bertempatan dengan *equipment* Kerajaan Negeri untuk membangunkan Negeri Selangor sebagai sebuah negeri *Smart City* dan *Smart State*. Penggunaan implikasi dan teknologi di dalam menangani masalah pengurusan sisa pepejal di Negeri Selangor bukan sahaja merealisasikan objektif Kerajaan Negeri untuk membangunkan persekitaran dan infrastruktur yang lebih mampan bahkan akan turut menyumbangkan kepada sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan bagi menjamin kualiti hidup yang lebih baik untuk rakyat. Dalam melaksanakan langkah

ini kos yang terlibat tidak lebih peruntukan tahunan semasa yang telah di peruntukan oleh setiap PBT bagi pengurusan sisa pepejal sekian, Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker, memandangkan kerajaan telah menggunakan KDB *Waste Management* untuk menjalankan urusan pengutipan sisa pepejal, saya nak tahu bilakah Kerajaan akan memperluaskan semua PBT untuk menggunakan perkhidmatan yang sama oleh KDB *Waste Management*.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Sekinchan setakat ini Kerajaan ini seperti apa yang saya maklumkan kepada dewan yang mulia ini adalah selepas MPK. Kita telah memperluaskan kepada MPAJ dengan MPS dan sekarang ini kita akan menilai lagi prestasi dan juga kita akan melihat kepada kontrak-kontrak sedia ada di setiap PBT dan kita akan menunggu selepas kontrak tamat di PBT yang berkenaan baru kita akan menjemput KDB *Waste Management* untuk masuk ke PBT yang berkaitan, sekian.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Terima kasih Tuan Speaker saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan dan sebelum itu saya ucapkan tahniahlah kepada kerajaan atas usaha yang telah ditunjukkan bagi melengkapkan infrastruktur dalam pengurusan sampah. Tapi apakah sebenarnya usaha pembuangan sampah ini sebenarnya berpunca daripada individu ataupun orang ramai. Jadi apakah tindakan kerajaan ataupun usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan bagi menggalakkan supaya rakyat ini mengurangkan pembuangan sampah supaya kerajaan juga menjadikan satu kempen ataupun satu kesedaran kepada rakyat supaya mereka juga bersama-sama tidak membuat sampah dalam kuantiti yang berlebih-lebihan sebab kalau kita menyediakan infrastruktur yang baik-baik seolah-olah kita menggalakkan rakyat ingin membuat sampah. Masalah sampah tidak dapat diselesaikan, apa pandangan kerajaan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Tanjung Sepat, Tuan Speaker saya amat bersetujuh dengan pandangan yang dikemukakan oleh Tanjung Sepat tadi. Isu pembuangan sampah daripada orang yang tidak bertanggungjawab ini mestilah kita mengambil tindakan terhadapnya. Tapi apa yang telah dilakukan oleh PBT atau Kerajaan Negeri kita sentiasa di peringkat PBT. Kita telah mengadakan

berbagai-bagai kempen untuk menasihatkan kepada penduduk tempatan ataupun rakyat supaya mereka menjaga kebersihan di persekitaran. Selain daripada itu soalan satu isu atau cabaran yang dihadapi oleh kita adalah sebahagian sampah yang dibuang merata tempat adalah disumbangkan oleh warga asing di tempat yang asrama atau pun tempat tinggal mereka. Itu adalah satu cabaran yang kita harap. Tapi saya rasa kita perlu kerjasamalah dengan pihak kilang dan sebagainya supaya pengusaha kilang ini boleh memberi nasihat atau mendidik pekerja mereka supaya mereka juga menjaga kebersihan di persekitaran rumah tinggal mereka.

**TUAN SPEAKER:** Kajang tidak hadir, Dengkil. Saya teruskan sudah. Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Saya ambil soalan Kajang Tuan Speaker. Soalan nombor 28, terima kasih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF  
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK: TANAH PAJAKAN 99 TAHUN**

28. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
  - a) Apakah prosedur pengambilan balik tanah pajakan 99 tahun yang telah tamat tempoh?
  - b) Nyatakan tindakan kepada pemilik tanah yang ingkar.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Dengkil, untuk maklumat Yang Berhormat Dengkil tiada istilah pengambilan balik tanah Pajakan 99 tahun yang telah tamat tempoh pajakan. Berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 46(1)(a) Kanun Tanah Negara, tanah bermilik hendaklah kembali dan terletak hak kepada Pihak Berkuasa Negeri setelah tamatnya tempoh pajakan yang ditetapkan di dalam dokumen hak milik mengenainya. Oleh itu semua tanah yang diberi milik telah tamat tempoh pajakan akan menjadi tanah kerajaan tanpa perlu melalui prosedur pengambilan balik tanah. Sebelum tanah beri milik loput tempoh pajakan pemohon boleh mengemukakan permohonan melanjutkan tempoh pajakan tanah kepada Pihak Berkuasa Negeri melalui Permohonan Serah Balik di bawah Seksyen 197 Kanun Tanah Negara dan beri milik Seksyen 76 Kanun Tanah Negara. Perkara kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dengkil tentang tindakan kepada pemilik tanah yang ingkar. Untuk maklumat Yang Berhormat Dengkil pemilik asal tanah yang hak miliknya

telah tamat tempoh pajakan diberi peluang untuk membuat Permohonan Pemberimilikan di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara dengan mengemukakan borang jadual 1 dan akan diberikan keutamaan untuk dipertimbangkan semula tanah tersebut oleh Pihak Berkuasa Negeri selaras dengan pemakaian Pekeliling PTGS Bil 6/2011. Sekiranya tiada permohonan dibuat tindakan penguatkuasaan di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara boleh dilaksanakan ke atas pendudukan secara tidak sah di atas tanah kerajaan. Jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500,000 atau dipenjarakan untuk satu tempoh yang tidak melebihi 5 tahun, terima kasih.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas penjelasan tadi tapi saya ingin bertanya sekiranya tempoh yang diperlukan untuk pemohon memohon tambahan atau ‘review’ tanah pajakan sama ada 5 tahun sebelum berakhirnya atau 20 tahun atau 30 tahun dan jangka masa kelulusan yang diambil untuk Kerajaan Negeri meluluskan rayuan daripada pemohon.

**Y.A.B. DATO’ MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Tuan Speaker, ketika Barisan Nasional menjadi Kerajaan Negeri sebelum ini apabila satu-satu permohonan hendak dikemukakan Pentadbiran ketika itu membenarkan hanya kepada saat-saat akhir mungkin satu, dua tahun sebelum pajakan itu tamat tetapi Kerajaan hari ini yang peduli rakyat membenarkan permohonan lanjutan tempoh pajakan dibuat jauh lebih awal malahan 10, 15 tahun sebelum tamat pun boleh kemukakan kerana engkau orang kena dengar ini bagaimana sebuah kerajaan yang peduli rakyat supaya kenapa kita membenarkan lebih awal kalau tempoh pajakan sudah hampir tamat nilai tanah itu sudah tidak ada. Sekiranya ia ingin disandarkan kepada bank untuk pinjaman pun nilai tanah itu sudah tidak ada kerana tempoh pajakannya sudah hampir luput. Maka kerajaan yang peduli rakyat yang ‘consent’ tentang keperluan tanah bagi rakyat kita membenarkan pemilik-pemilik tanah untuk memperbaharui tempoh pajakan jauh lebih awal dan ini telah pun dilaksanakan dengan amat berkesan. Perkara yang kedua yang dibangkitkan berapa lama kelulusan yang diberikan kita menjadikan agenda ini sebagai agenda mingguan. Setiap mesyuarat MMKN berpuluhan permohonan dibentangkan untuk pertimbangan Kerajaan Negeri dan biasanya kelulusan itu diberikan dalam satu tempoh yang paling cepat untuk memudahkan pemilik-pemilik tanah memperbaharui pajakan masing-masing, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Teratai.

**Y.B. TIEW WAY KENG:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan ke 29.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK: POLISI PEMBANGUNAN ANAK MUDA**

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Sejauh manakah Dasar Belia Kerajaan Selangor membawa manfaat kepada Anak Muda Selangor?
  - b) Berapakah bilangan Anak Muda merupakan penerima manfaat daripada polisi Kerajaan Selangor untuk Anak Muda mengikut kawasan DUN?
  - c) Berapa beza bajet anak muda antara kerajaan pusat dengan kerajaan Selangor?

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Teratai atas soalan yang telah dikemukakan berkenaan dengan pembangunan generasi muda Selangor. Dasar Pembangunan Generasi Muda Selangor atau Belia Negeri Selangor telah memberikan penumpuan yang jelas kepada pembangunan potensi supaya wujudnya penglibatan Belia yang aktif di Negeri Selangor. Terdapat 10 teras yang menjadi panduan kepada program-program Pembangunan Generasi Muda iaitu keusahawanan dan pekerjaan, kepimpinan dan organisasi, teknologi maklumat dan komunikasi, kemasyarakatan, jaringan kesukarelaan, kebudayaan dan kesenian, kesejahteraan dan kesihatan, sukan dan kecergasan, agama dan spiritual serta pengantarabangsaan. Ahli Yang Berhormat sekalian bagi tujuan ini Kerajaan Negeri Selangor telah menubuhkan penggerak tempatan untuk melahirkan kepimpinan yang berwibawa serta menjadi agen perubahan di Negeri Selangor dan bertindakan sebagai jentera pelaksana bagi Pihak Kerajaan Negeri dan melaksanakan dasar-dasar yang berkaitan program pembangunan belia di peringkat akar umbi. Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda Negeri Selangor dan Majlis Sukan Negeri Selangor merupakan agen pelaksana telah memulakan satu inisiatif baru yang dinamakan Sahabat JPNS. Sahabat JPNS ini adalah untuk menggalakkan lagi penglibatan generasi muda dalam kegiatan sukarelawan ataupun aktif rizom yang mana mereka akan menjadi penggerak dan juga penggetar kepada komuniti untuk membawa komuniti yang lebih maju dan berdaya saing. Setakat ini tidak ada angka yang tidak jelas berapa ramai yang penglibatan mereka di peringkat DUN-DUN namun begitu saya

hanya ada angka yang melibatkan mereka-mereka yang mendaftar dalam insentif perkahwinan belia. *Insya-Allah* saya akan kemukakan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat secara bertulis dan juga secara purata laporan-laporan yang kita kemukakan dalam mesyuarat-mesyuarat bulanan kita. Ahli Yang Berhormat kalau kita membuat perbandingan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dari segi angka ia terlalu jauhlah sebab perbelanjaan Kerajaan Persekutuan agak besar. Mereka berbelanja sekitar RM413 juta untuk program-program belia dan sukan manakala Kerajaan Negeri berbelanja RM11 juta untuk program belia dan sukan. Tapi kalau membuat perbandingan seperti itu tidak adil, mari kita membuat perbandingan secara peratusan. Kalau kita buat secara peratusan daripada RM413 juta daripada keseluruhan belanjawan pembangunan Kerajaan Persekutuan sebanyak RM48 bilion Kerajaan Persekutuan berbelanja sebanyak 0.86% untuk generasi muda negeri Selangor, Generasi Muda di Malaysia. Manakala Kerajaan Negeri berbelanja RM11.1 juta daripada RM1.8 bilion peruntukan untuk pembangunan maka kita berbelanja 0.7% daripada keseluruhan peruntukan pembangunan kita. Jika kalau diukur kita agak setara dari segi peratusan. *Insya-Allah* kita akan teruskan lagi program-program pembangunan yang menyeluruh terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Dusun Tua.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya nombor 30.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK: KEMUDAHAN BEKALAN AIR DAN ELEKTRIK UNTUK MASYARAKAT  
ORANG ASLI**

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
  - a) Adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan kemudahan bekalan air dan elektrik untuk masyarakat orang asli?
  - b) Jika ya, nyatakan perancangan Kerajaan.
  - c) Jika tidak, apakah halangan-halangannya.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Dusun Tua, Tuan Speaker soalan Dusun Tua adalah berkenaan tentang kemudahan bekalan air dan elektrik untuk masyarakat orang asli di Negeri Selangor. Untuk makluman Dusun Tua merujuk kepada Seksyen 4 di bawah Pentadbiran Orang Asli Akta 134, Akta Orang Asli 1954 Jabatan Kemajuan Orang Asli atau JAKOA bertanggungjawab bagi pentadbiran kebajikan dan kemajuan am orang asli. Ini termasuk dalam perancangan menyediakan kemudahan am orang asli. Ini termasuk perancangan menyediakan kemudahan program bantuan rumah serta bekalan air dan elektrik dalam penempatan masyarakat orang asli di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri maklum bahawa kampung-kampung orang asli di Negeri Selangor masih belum sempurna dari segi pembangunan dan kemudahan. Maka Kerajaan Negeri mengalu-alukan permohonan daripada batin-batin ataupun pengurus-pengurus JKOK Orang Asli bersama dengan bantuan daripada wakil-wakil rakyat tidak kira daripada kerajaan pun pembangkang untuk menghantar permohonan kepada Kerajaan Negeri. Pada tahun 2017, Kerajaan Negeri telah meluluskan projek kemudahan untuk masyarakat orang asli seperti berikut 1 di daerah Hulu Langat di Kampung Orang Asli Tanjung Rambai untuk menaik taraf mikro hidro elektrik. Jumlah yang diperuntukan adalah RM42,000 dan di Sepang di Kampung Orang Asli Pemasangan Solar 14 rumah orang asli dengan jumlah RM37,100.

**TUAN SPEAKER:** Soalan 31 telah dijawab bersekali dengan soalan 1. Kota Damansara.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Terima kasih soalan nombor 32.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK: LOJI RAWATAN AIR SEMENYIH 2**

32. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
  - a) Apakah status terkini pembinaan LRA Semenyih 2?
  - b) Adakah Kerajaan Negeri menghadapi sebarang masalah dalam membina LRA tersebut?
  - c) Bagaimakah Kerajaan Negeri memastikan ia siap dalam tempoh ditetapkan?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Tuan Speaker terima kasih, kepada Kota Damansara. Alhamdulillah pembinaan di tapak setakat 24 Jun 2017 bagi Loji Rawatan Air Semenyih 2 telah mencapai 56.16 peratus dan kerja-kerja pembinaan ini dijadualkan siap pada 19 Disember 2017. Dalam melaksanakan projek ini proses pengambilan balik tanah yang panjang berkaitan dengan tapak rumah pam Desa Putera telah diselesaikan pada 22 Mac 2017 dengan selesainya proses pengambilan balik tanah ini pihak kontraktor yang dilantik telah memulakan kerja-kerja pembersihan tapak dengan lancarnya. Kerja-kerja pembinaan di tapak bagi pembinaan loji air tidak mengalami masalah besar semenjak kerja-kerja dimulakan pada 22 Mei 2016. Namun demikian keadaan hujan yang lebat antara tempoh bulan Oktober hingga Disember 2016 telah menyebabkan pihak kontraktor memperlambangkan kerja-kerja di tapak bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini. Mulai pada 1 Februari 2017 pihak kontraktor telah menambahkan bilangan pekerja di tapak dan memanjangkan tempoh bekerja dari 8 jam sehari ke 12 jam sehari bagi memastikan kerja-kerja pembinaan dapat disiapkan mengikut jadual.

Dan Kerajaan Negeri yakin bahawa pembangunan ini dapat disiapkan seperti mana yang telah disebutkan sebentar tadi. Dalam usaha untuk memastikan projek ini dapat disiapkan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Pemantauan di tapak dibuat secara berkala dan rapi melalui mesyuarat tapak setiap bulan bagi membincangkan kemajuan projek dan mencari penyelesaian terhadap sebarang maslah yang timbul supaya tidak menjelaskan perjalanan pelaksanaan projek. Kerajaan Negeri juga memantau pelaksanaan projek dengan memastikan kontraktor mengemukakan laporan kemajuan kerja mingguan di mana melalui laporan ini Kerajaan Negeri dapat mengesan sebarang permasalahan yang dihadapi oleh pihak kontraktor, pada ketika ini pihak kontraktor yang dilantik telah menambah kerja mengikut tempoh masa bekerja di tapak dalam usaha untuk memastikan pembinaan dapat disiapkan mengikut jadual.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARLANANDAM:** Soalan Tambahan

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARLANANDAM:** Terima kasih EXCO, saya nak tanya kontraktor yang telah diberi ini di Loji Rawatan Air Semenyih 2 adakah kita perlu bagi dia satu *variation order* untuk meningkatkan harga untuk dia habiskan kerja dia di Semenyih 2.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Seri Andalas, setakat ini tidak ada sebarang perancangan untuk memberi *variation order* kepada pihak kontraktor.

**TUAN SPEAKER:** Pandamaran

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Dengan izin Tuan Speaker, Soalan saya 33

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG  
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK: PILIHANRAYA PENGERUSI JAWATANKUASA KEMAJUAN DAN KESELAMATAN KAMPUNG DI NEGERI SELANGOR**

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Samaada pilihanraya ketua kampung di Kampung Bagan di Pulau Ketam, Kampung Baru Sungai Jarom dan Kampung Baru Pandamaran akan dijalankan pada tahun ini? Sekiranya ya, bila diadakan?
- b) Samada pilihanraya tersebut akan dijalankan di lebih kampung baru Cina di Negeri Selangor?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker terima kasih, Pandamaran projek perintis pemilihan pengurusi JKJKK Bagan Tersusun Negeri Selangor, di 3 Kampung iaitu Kampung baru Sg Jarum, kampung Baru Pandamaran dan Kampung Bagan Pulau Ketam telah diadakan pada September 2013 dan keputusan pemilihan telah disahkan oleh Kerajaan Negeri pada 23 Oktober 2013. Perkhidmatan ketiga-tiga Ketua Kampung tersebut telah berkuat kuasa pada tarikh yang disahkan sehingga 22 Oktober 2017.

Sehubungan itu Jawatankuasa Tetap Permohonan Kampung Baru cadang untuk mendapatkan kelulusan Kerajaan Negeri dan melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri agar tempoh perkhidmatan semua Ketua Kampung JKJKK Kampung Baru ini dilanjutkan sehingga Dewan Negeri dibubarkan bagi tujuan pilihan raya umum yang akan datang memastikan tumpuan dan perkhidmatan kepada rakyat dapat diberikan dengan sepenuhnya. Kerajaan Negeri melihat pelaksanaan projek perintis pemilihan Pengurusi JKJKK Kampung Baru Negeri yang telah dilaksanakan di 3 buah kampung adalah satu kejayaan. Justeru Kerajaan Negeri masih untuk meneruskan dan mengembangkan kaedah pelantikan pengurusi JKJKK Kampung Baru ini secara pemilihan di lain-lain kampung baru di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun perkara ini akan diperhalusi semula dari pelbagai sudut sebelum dilaksanakan secara menyeluruh sekian Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Meru

**Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN:** Terima kasih, Tuan Speaker soalan No.34

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN  
(N42 MERU)**

**TAJUK : PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN PEMBASMIAN KEMISKINAN KAUM INDIA DAN PEKERJA LADANG**

34. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa peratus belia, dewasa dan usia emas dalam golongan keluarga pekerja ladang?
- b) Apakah ada apa-apa perbincangan Kerajaan Selangor dan majikan bagi menambah baik taraf ekonomi, pendidikan dan sosial golongan ini?
- c) Bagaimanakah status kediaman pekerja yang telah bersara?

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Tuan Speaker, untuk maklumat YB Meru Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang ini tidak ada data khusus mengenai peratusan mengikut kategori dalam kalangan keluarga pekerja ladang Jawatankuasa adalah berperanan memfokuskan kebijakan keluarga pekerja ladang menerusi pengajuran program-program yang memberi manfaat kepada setiap pekerja ladang dan keluarga mereka yang berteraskan kemahiran, pendidikan dan sosial.

Dalam keadaan kuasa Negeri yang amat terhad berhubung pekerja ladang dan kebijakan mereka yang mana kuasa keseluruhannya terletak di bawah Kementerian Sumber Manusia. Walaupun begitu Kerajaan Negeri sedaya upaya dalam membela nasib pekerja ladang dengan perbincangan dengan pemilik ladang tertakluk kepada keadaan semasa. Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang telah melaksanakan beberapa pengajuran program di bawah jawatankuasa yang menjurus kepada tahap kemahiran ekonomi dan sosial. Bukan sahaja di kalangan pekerja ladang bahkan manfaat yang diberi juga tidak terkecuali kepada anak-anak mereka dalam bidang pendidikan untuk sama-sama menikmati faedah dari pelbagai aspek termasuk bantuan kewangan untuk meringankan bebanan mereka dalam mengharungi hidup sebagai golongan yang dianggap susah.

Antara program-program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun khusus bagi tujuan tersebut adalah (1) Bantuan subsidi tambang bas sekolah (2) Bantuan yuran pengajian

IPTS di Malaysia (3)Program Penyampaian Anugerah Kecemerlangan UPSR (4) Program-program motivasi UPSR untuk anak-anak pekerja ladang

Dalam pada itu juga kita masukkan anak bekas pekerja ladang di Kolej INPENS yang ditaja penuh oleh Kerajaan Negeri telah ditingkatkan dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang juga mengambil kira akan aktiviti sosial di kalangan pekerja ladang dengan menganjurkan beberapa bentuk program khusus kepada pekerja ladang yang mana rata-ratanya berketurunan kaum India di Negeri Selangor termasuk program perayaan antara program yang dirasakan di bawah Jawatankuasa Tetap pekerja ladang adalah Sept Perayaan Pesta Ponggal Peringkat Negeri Selangor, Perayaan Thaipusam Peringkat Negeri Selangor, Program bersama Pemimpin-pemimpin Badan Bukan Kerajaan dan Bekas Pekerja Ladang, Program Lawatan Turun Padang, Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang Bersama Pekerja-pekerja Ladang di Selangor, Program Sambutan Deepavali peringkat Negeri Selangor.

Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang telah banyak membantu pekerja ladang dalam meringankan bebanan dalam arus pemodenan yang semakin berkembang pesat. Pembangunan ekonomi di kalangan pekerja ladang merupakan teras kepada kehidupan yang lebih selesa dan terjamin di masa hadapan. Justeru program yang telah dilaksanakan memberi tumpuan kepada pekerja ladang di Negeri Selangor dalam meningkat pendapatan sampingan mereka menerusi pengajuran program-program kursus kemahiran jangka pendek seperti membuat kek dan coklat, kelas jahitan, kelas solekan,membaiki peralatan, membuat kraf tangan serta ceramah dan taklimat membantu meningkatkan keyakinan dan semangat di kalangan pekerja ladang untuk terus maju dan berdaya saing. Program-program kemahiran seperti ini dilihat sedikit sebanyak dapat membantu para pekerja ladang mendalami asas-asas kemahiran ilmu yang boleh menjana pendapatan sampingan. Kerajaan Negeri Selangor menyambut baik persoalan yang dikemukakan oleh YB Meru, berhubung status kediaman bekas pekerja ladang di Negeri Selangor terutamanya yang telah bersara. Setakat ini Negeri Selangor belum mempunyai program bantuan kursus untuk membantu bekas pekerja ladang yang telah bersara untuk mendapat rumah selepas mereka bersara. Namun begitu jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang telah mengambil beberapa langkah dan inisiatif dalam menangani masalah perumahan ini dengan melaksanakan beberapa siri lawatan dan turun padang ke ladang-ladang di seluruh negeri Selangor bagi mendapatkan maklum balas, pandangan dan permasalahan yang dihadapi oleh bekas pekerja ladang berkenaan bagi membantu mendapatkan jalan penyelesaian yang terbaik berhubung pembangunan pekerja ladang agar dapat di manfaat oleh semua pihak yang terlibat.

Dalam membela nasib pekerja ladang kuasa Kerajaan Negeri adalah terhad namun melalui Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang telah mengadakan beberapa

perbincangan dengan pemilik ladang bagi membangunkan kawasan perladangan khusus bagi bekas pekerja ladang dengan mengambil kira syarat-syarat gamamnya ditetapkan oleh *Estate Land Board*, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha menjaga nasib pekerja ladang yang sebaik mungkin seperti di Ladang Bukit Raja, di mana seramai 75 keluarga telah dibantu dalam memiliki rumah teras satu tingkat dengan harga diskaun di bawah Portfolio Pekerja Ladang, namun hanya 65 keluarga sahaja berjaya menerima dan berpindah ke rumah yang baru manakala 10 keluarga lagi mengalami masalah pinjaman bank selain itu juga Portfolio Pekerja Ladang telah membantu untuk mereka untuk mendapatkan tapak kuil dan dewan komuniti sebagai kemudahan mereka

**TUAN SPEAKER:** Minta Kota Alam Shah, meringkaskan

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Bantuan-bantuan juga perumahan juga telah diadakan melalui *Estate Land Board* di Ladang Bangi, Taman Permata Dengki, Ladang Zainudin, Ladang Tumbuk, Ladang Semenyih, Ladang Dusun Durian dan kebanyakan ladang-ladang apabila dibangunkan melalui ELB telah mensyaratkan supaya menyediakan perumahan kepada bekas pekerja ladang. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Terima kasih Tuan Speaker,  
Soalan 35.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(N33 TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : PENAMBAHBAIKAN SKIM MESRA USIA EMAS**

35. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kerajaan Selangor 2009 - 2016 telah membelanjakan RM 192, 946, 500 untuk bayaran SMUE kepada waris. Untuk penambahbaikan SMUE sedia ada, bilakah pembayaran dapat dibuat kepada warga emas semasa hayat?

**Y.B. PUAN DR DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Taman Medan, Tuan Speaker kejayaan Program Skim Mesra Usia Emas oleh Kerajaan Negeri Selangor sejak 2008 sehingga kini telah memberikan impak yang sangat baik kepada seluruh rakyat Selangor. Sehingga kini sejak 21 Julai 2017 pihak Kerajaan Negeri telah mendaftarkan sejumlah 272,073 orang dan sebanyak RM210,126,000.00 telah pun disalurkan kepada 85,536 orang waris warga emas ini. Memandangkan Rantaian Mesra Sdn Bhd, kini masih belum mempunyai Ketua Pegawai Operasi dan proses penggabungan dengan

YAWAS masih belum selesai dengan sepenuhnya maka buat masa ini pihak RMSB dan YAWAS masih belum dapat mengemukakan sebarang cadangan baru kepada pihak Kerajaan Negeri tentang pembayaran untuk warga emas semasa hayat mereka.

Cadangan pembayaran dibuat kepada warga emas semasa hayat mereka perlu dikaji dengan lebih mendalam kerana mekanisme pelaksanaan sedia ada masih relevan dan sangat membantu terutamanya waris warga emas yang miskin. Walau bagaimanapun terdapat beberapa program sedia ada yang tidak ketinggalan memberi manfaat kepada golongan ini dan salah satu adalah Skim Peduli Sihat, warga emas yang berusia 60 tahun ke atas layak untuk memiliki kad Peduli Sihat bernilai RM200 seorang setiap tahun dengan kad tersebut mereka boleh mendapatkan rawatan di klinik-klinik berhampiran yang menjadi panel Peduli Sihat. Selain daripada itu, Program Jom *Shopping* Perayaan yang diadakan setiap tahun untuk sama ada Jom *Shopping* Hari Raya, Jom *Shopping* Deepavali, dan Jom *Shopping* Tahun baru Cina maka golongan warga emas ini, yang miskin ini adalah diberikan keutamaan. Selain daripada itu, pihak RMSB juga telah diminta untuk mengkaji semula mekanisme, pelaksanaan pemberian manfaat lain di bawah program insentif Peduli Rakyat semasa warga emas ini masih hidup secara menyeluruh. RMSB diminta untuk memberi fokus kepada program yang memberi impak yang besar kepada ahli Skim Mesra Usia Emas ini dengan mengambil kira semua program yang telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Oleh sebab jawapan EXCO tadi semua ini bergantung pada pelantikan CEO,bagi Rantaian Mesra Sdn. Bhd. Bilakah lantikan akan dibuat supaya tindakan terhadap apa yang tertangguh dapat teruskan.

**Y.B. PUAN DR DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Taman Medan, pihak MBI ataupun Menteri Besar *Incorporation*, yang menjadi pengurus untuk yang YAWAS dan RMSB ini sedang mendapatkan atau pun mencari calon-calon untuk CEO RMSB atau pun YAWAS dan dalam masa yang terdekat akan dilantik CEO baru ini.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Pelek

**YB PUAN LAI NYUK LAN:** Terima kasih Tuan Speaker, Soalan saya 36.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN LAI NYUK LAN**  
**(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK: JUMLAH PINJAMAN YANG TELAH DILULUSKAN KEPADA PENGUSAHAOLEH KERAJAAN NEGERI DALAM PROGRAM HIJRAH SELANGOR.**

36. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa jumlah bilangan yang telah diluluskan ?
- b) Berapa peratusan yang telah dikutip balik oleh Kerajaan Negeri Selangor?

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Sungai Pelek, seramai 38,821 orang penerima pinjaman-pinjaman yang telah diluluskan oleh Hijrah dengan nilai pinjaman sejumlah RM237,751,500.00. Sekitar Ringgit Malaysia 237 juta telah alihkan atau pun diagihkan dalam pinjaman Hijrah. Bayaran balik dalam bentuk jadual, jadualnya dipenuhi dengan sebanyak 82.4 peratus dan saya yakin dengan *trend* ini yang kitakekalkan semenjak skim ini dikemukakan kita mampu mengutip balik hasil-hasil atau pun pinjaman-pinjaman yang telah kita kemukakan, terima kasih.

### **III. USUL**

**TUAN SPEAKER:** Ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi. Dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat yang seterusnya sambungan usul No. 6 Tahun 2017 usul di bawah Peraturan Tetap 26(1) oleh Yang Berhormat Seri Andalas.

**TUAN SPEAKER:** Saya mempersilakan Yang Berhormat Sabak untuk menyambung perbahasan 5 minit.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Salam sejahtera dan terima kasih. Tuan Speaker, semalam saya telah menyebut berkaitan dengan ciri-ciri ataupun siri-siri ketirisan wang negara dana awam. Sejak daripada beberapa pemimpin-pemimpin Perdana Menteri yang lalu dan saya juga telah menyebut sekiranya semua ini kita kumpulkan saya telah menyebut kemungkinan kita sukar untuk menjumpai lagi orang miskin dalam negara kita ini. sebab itu soal kemiskinan ini ada hubung kait secara langsung dalam soal ketirisan wang negara ketirisan wang rakyat dan apatah lagi dalam isu yang terbaru 1MDB yang menjadi isu besar ia hanya disaksikan oleh rakyat tanpa memahami sebahagian besar mereka. Apatah lagi rakyat di luar bandar sebagaimana di Sabak Bernam sebagaimana di Hulu Selangor dan rakyat yang lain mereka tidak memahami bahawa kemiskinan mereka itu sebenarnya suatu yang berlaku semacam suatu yang terancang dengan maksud

bahawa kemiskinan mereka sepatutnya sudah tidak ada pada zaman yang negara-negara lain yang maju dan kita masih lagi merangkak untuk menuju negara yang maju sedang kita masih lagi terpalit dengan ketirisan wang yang banyak kerana ketidaktanggungjawaban dalam pengurusan negara oleh pemimpin-pemimpin negara. Maka sebab itu saya juga telah menyebut sepatutnya kemiskinan ini sudah tidak ada dalam negara kita. Kita sudah boleh mengurangkan namun apa yang berlaku hari ini umpama rakyat Sabak Bernam walaupun kita sudah 50 tahun lebih merdeka tetapi saya sering menyebut ada di antara mereka yang mati dalam keadaan kempunan. Kempunan tak mampu nak main boling, kempunan nak berenang di kolam renang yang jernih airnya kerana masalah kemiskinan. Sepatutnya tidak ada kemiskinan sekiranya bilion ringgit yang dana awam yang hilang akan dapat dimanfaatkan oleh rakyat di luar bandar. Oleh sebab itu, ketika kita menyebut dan mencadangkan supaya satu suruhanjaya diraja dibentuk dan diwujudkan untuk menyiasat sampai ke akar umbi masalah yang berlaku terhadap 1MDB suruhanjaya diraja ini saya fikir adalah platform yang paling penting untuk kita menyiasat siapakah mereka-mereka yang terlibat dan perlu kepada suatu pengadilan yang jujur yang betul yang telus. Kerana ini suatu yang penting kita tidak mahu rekod yang lama dalam pengurusan negara banyak isu yang berlaku akhirnya selesai hilang begitu sahaja sebahagianya bil out terpaksa guna wang rakyat pada masa yang sama maka oleh sebab itu bila kita menyebut perlunya suruhanjaya diraja ini bukan kerana dendam tapi kerana kita nak melihat dan melahirkan Perdana Menteri yang baik dalam negara kita ini. Saya sangat konsisten untuk menyebut kita memerlukan pemimpin yang baik dalam negara kita. Kita memerlukan pemimpin yang bertanggungjawab terhadap harta rakyat, mengurus harta rakyat dalam negara kita. Sidang sebelum daripada ini dan juga sejarah kita dipimpin oleh Perdana Menteri yang lalu beberapa Perdana Menteri yang akhirnya sebahagian daripada mereka yang ketika menjawat Perdana Menteri mereka ada dalam Barisan Nasional sebahagian daripada mereka bila nak cari ke jerangan hidup berakhir keluar daripada Barisan Nasional. Tuanku Abdul Rahman keluar dari Barisan Nasional, Tun Hussein Onn keluar daripada Barisan Nasional boleh jadi Tun Dr. Mahathir mungkin nak cari kejernihan keluar dari Barisan Nasional tetapi soal... Lima minit pun nak minta mencelah ke?.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Sedikit saja. Yang Berhormat Sabak saya nampak ada ramai Mantan Perdana Menteri keluar dari Barisan Nasional kenapa punca mereka keluar Barisan Nasional. Apa sebab?

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Saya menyebut semalam adalah sistem adalah acuan sebab itu tak apa nanti saya akan hurai di hujung sedikit nanti jawapan persoalan dari Sekinchan tapi apa yang saya nak sebut ialah kita nak dan seluruh rakyat ada hak untuk mendapatkan seorang Perdana Menteri yang baik yang boleh mengurus harta negara, pemimpin yang baik tak kiralah dalam konteks Perdana

Menteri, Menteri Besar bahkan dalam soal Menteri Besar pun dalam sidang dewan ini saya masih teringat lagi ketika saya duduk di kerusi Pelabuhan Klang ketika itu tahun 1999, Bukit Antarabangsa duduk di tempat Dusun Tua pada ketika itu bila berlaku isu yang membabitkan bekas Menteri Besar bukan isu soal ketirisan wang tetapi isu peribadi. Saya tak perlu nak sebut yang akhirnya keluar dalam *prime media* dan saya membangkitkan isu itu saya memerlukan seorang Menteri Besar yang baik ditambah pula oleh Bukit Antarabangsa memberi tekanan pula hendak Menteri Besar yang baik akhirnya Menteri Besar pada ketika itu meletak jawatan. Ganti Menteri Besar yang baru. Saya sangat *salute* kepada Menteri Besar yang lalu walaupun mereka tidak sempat untuk membersihkan dirinya tetapi dengan meletak jawatan itu sebagai satu jalan keluar yang pilihan yang terbaik juga untuk menyelesaikan masalah pada ketika itu. Sebab itu bila saya jumpa sekarang ini jumpa dia saya tetap peluk dia dan saya sangat respek kepada dia.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Saya nak tanya Sabak. Ramai juga golongan agamawan yang bersama pasukan-pasukan Perdana Menteri ini kenapa mereka juga membisu dan tidak boleh menegur apa yang berlaku pada Perdana Menteri.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Sebab itu menegur ini sama ada kita kata melalui suatu cara yang paling baik. Sebab itu dalam konteks kita masyarakat kita saya fikir sebab itu bila kita berada dalam satu ruang politik biasannya bila kita menegur ada orang mengandaikan bahawa menegur itu dengan cara yang keras macam semalam kita kata soal isu timbul, isu makan dedak. Sebenarnya tidak salah dengan dedak nanti kita punya EXCO nak sebut dedak macam mana. EXCO Pertanian nak bagi makan ayam itik takkan nak sebut kita akan berikan kepada ayam dan itik. Tak boleh. Kena sebut juga dedak. Tetapi persoalannya jangan ada niat jahat terhadap teguran-teguran itu. Kita diajar dengan budaya santun. Kita diajar dengan budaya santun dalam masyarakat. Ini akar budaya yang mengajar kita dalam berpolitik. Akar budaya yang mesti kita tegakkan yang mesti kita laksanakan dalam berpolitik. Begitu juga kepada seorang, kita bukan soal membenci sebab kalau kita kata kita nak maki hamun kepada Perdana Menteri yang ada, suatu hari nanti boleh jadi dia menjadi rakan kita juga. Tapi yang kita benci ialah cara pengurusan yang kita benci. Tak kira siapa. Saya menyebut tak kira siapa. Semalam Sekinchan menyebut saya menyokong kenyataan Sekinchan kalau ada orang cina yang buat salah tarik orang cina itu. Hadapkan ke muka pengadilan. Saya suka begitu juga saya suka kalau Perdana Menteri sebagai orang dari bangsa saya tapi dalam konteks ini kita tidak boleh menyokong dalam konteks melalukan kebatilan itu yang disebut oleh Nabi mengingatkan apakah di assabiah, assabiah adalah kamu menolong kaum kamu dalam melakukan kezaliman sebab itu kita kena menegur dan menegur itu mesti dengan cara yang baik. Kalau kita kata maki hamun, kita kata boleh tapi kita terpaksa menghadapi satu *gap* yang besar yang

sebenarnya kita ada satu cara yang paling santun sebab itu bagi saya dalam soal nak melahirkan seorang Perdana Menteri yang baik dia mesti melalui penegur-penegur yang baik bukan mengambil kesempatan sepatutnya kita mempunyai Perdana Menteri sejak dari dulu sampai hari ini. tapi setiap kesalahan jarang kita mendengar di kalangan orang keliling dalam mereka menegur Perdana Menteri. Kalau ditegur mereka melenting, kalau ditegur mereka marah. Saya tak kira siapa pun. Tetapi soalnya kita tak boleh tololng bangsa kita dalam melakukan kesalahan. Tak kira atas nama kawan sekalipun. Tegur mesti tegur. Biar putus kawan inilah cara kita nak menolong mereka. Kalau mereka melakukan kezaliman kerana pangkat dan jawatan tegur mereka atas pangkat dan jawatan mereka.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Sabak. Satu minit lagi.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Satu minit lagi. Oleh sebab itu saya juga menyokong daripada Sungai Burong yang menyebut bahawasanya semua yang bersalah dicabar hadapkan ke muka pengadilan. Saya sokong sebab itu menghadapkan ke muka pengadilan memerlukan kepada bukti maka oleh sebab itu disinilah yang saya kata saya memerlukan begitu juga Dr. Mahathir sepanjang 22 tahun apa siri-siri ketirisan harta negara yang dia lakukan sudah sekian banyak berlaku walaupun mungkin dia bertaubat dan mudah-mudahan Allah terima taubat dia tetapi soal sejarah ketirisan itu tetap berjalan sebagai satu kesalahan besar dalam negara kita. Maka oleh sebab itu, itu juga kita perlu satu Perdana Menteri yang baik. Maka oleh sebab itu, sejarah oleh sebab semua Perdana Menteri datang daripada Barisan Nasional dan bila mereka nak cari hidup baik keluar dari Barisan Nasional maka saya fikir kita jalan selamat tutup saja Barisan Nasional itu saja jalan penyelesaiannya. Jadi oleh sebab itu, tuan-tuan sekalian saya mencadangkan supaya suruhanjaya tak kita siapa salah ke tapis suruhanjaya diraja ini penting untuk membuktikan cuma sikap kita ialah sebelum dia dibuktikan bersalah jangan asak dia sebagai orang yang bersalah. Tetapi oleh sebab nama Perdana Menteri kita sudah disebut 15 kali dalam *plus action* maka oleh sebab itu saya memerlukan seorang Perdana Menteri yang baik. Kalau ia tak boleh kita boleh tukar tempat orang lain. Itu saya ingat saya menyokong apa yang dikemukakan oleh Seri Andalas terhadap usul 1MDB pada hari semalam. Sekian. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku saya bagi 5 minit sahaja sebelum saya minta pihak kerajaan menggulung. Kampung Tunku 5 minit.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini dengan membuat beberapa penghujahan dan juga penyangkalan terhadap hujah yang dikatakan pada anggapan saya adalah khilaf dan salah. Memang saya perlu mengakui bahawa isu 1MDB ini adalah isu yang amat menjelaskan kestabilan ekonomi negara kita dan Selangor sebagai sebuah negeri yang maju dan

menyumbang lebih daripada  $\frac{1}{4}$  daripada GDP akan terjejas. Saya tidak perlu mengulangi *point-point* atau hujah yang telah dibangkitkan semalam tapi beberapa perkara yang saya kita perlu disangkal dari pihak sana ialah berkenaan dengan kejatuhan nilai matawang ringgit Malaysia. Memang ringgit Malaysia telah pun jatuh nilainya memang matawang-matawang asing yang lain juga jatuh nilainya akibat nilai dolar Amerika Syarikat yang meningkat tapi apakah Yang Berhormat di sebelah sana mereka tahu atau tidak bahawa kejatuhan kadar itu berbanding dengan kadar kejatuhan Ringgit Malaysia adalah lebih kurang sikit. Tidak begitu dahsyat. Ringgit Malaysia adalah antara matawang Asia yang mengalami prestasi yang paling teruk sepanjang tempoh satu atau dua tahun yang lepas. Jadi itu adalah satu fakta. Yang kedua, apabila kita membincangkan isu 1MDB yang berlaku juga pada masa satu atau dua tahun ke belakang respons ataupun jangkaan saya pada perbahasan sesi ini ialah saya menjangkakan suasana sama ada mereka *pretty conscious* memang mereka tahu dalam hati mereka sendiri salah maka tidak perlu mengambil bahagian dalam perbahasan ini ataupun mereka akan beria-ia untuk mengambil bahagian untuk *engage* dengan ADN daripada kerajaan untuk membuktikan kesetiaan mereka kepada pemimpin. Kesetiaan yang saya boleh katakan sebagainya *blind loyalty* atau membuta tuli. Itu adalah dua reaksi yang saya boleh jangkakan semalam pada mulanya saya kira mereka agak *slow* sikit kemudian apabila memasuki tahap perbahasan yang hangat mereka beria-ia untuk mengambil bahagian. Bagi saya apa pun sekali respons mereka kalau mereka *guilty conscience* maka kita boleh lihat. Tapi apabila mereka beria-ia untuk membangkitkan hujah-hujah mereka maka kita bolehlah faham apa maksudnya menegakkan benang yang basah. Itulah apa yang mereka lakukan semalam. Mereka cuba hendak menegakkan benang yang basah padahalnya itu adalah sesuatu yang tidak mungkin berlaku.

Mengapa tidak mungkin berlaku Puan Speaker, ini isu-isu ini adalah membawakan satu masalah yang sangat kronik yang berlaku di negara kita. Kita tidak takut kalau ada penjawat awam yang melakukan kesalahan. Kita tidak takut kalau ada Perdana Menteri yang melakukan kesalahan tetapi kita terkilan bahawa institusi kerajaan kita gagal mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap mereka yang melakukan kesalahan. Institusi kerajaan ini yang saya hendak rujuk ini adalah Kamal Peguam Negara, mengapakah selepas siasatan yang begitu rapi dilakukan oleh PDRM, dilakukan oleh SPRM, dilakukan oleh Bank Negara Malaysia tetapi akhirnya tidak ada kes pendakwaan dibawa ke mahkamah. Dia ada tohmahan atau pun kesilapan atau pun hujah yang silap dari sebelah sana bahawa itu adalah konspirasi dia Ujir, tapi Yang Berhormat sekalian, jangan lupa bukan saja dia Ujir yang membawa isu ini ke mahkamah Amerika Syarikat. Ada juga kes-kes pendakwaan di negara republik Singapura dan telah pun disabit salah. Mengapa anda tidak sebut, itu adalah kes yang telah diputuskan oleh mahkamah Singapura. Tidak dirayu terbukti salah, jadi .....

**YB. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Saya ingin mencelah.

**YB. TUAN LAU WENG SAN:** Ya silakan.

**YB. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Saya hendak bertanya dengan Bukit Tunku, apakah laporan siasatan SPRM, laporan PAC. Ini tidak bermakna tidak dinyatakan, sedangkan dalam laporan PAC, Jawatankuasa terdiri daripada Yang Berhormat Teng Chua sendiri. Jadi apakah masih lagi perkara ini hendak dipertikaikan hendak dibangkitkan beberapa perkara. Saya hendak sebut dalam Dewan ini pun ada beberapa perkara contoh usul umat Islam tidak dibawa dengan usul.

**YB. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, YB. Teng Chua bukan dalam PAC.

**YB. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Fakta tak betul.

**YB. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** YB. Teng Chua di dalam mana jawatankuasa.

**YB. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Maaf, Tuan Ean Yong.

**YB. TUAN LAU WENG SAN:** Hulu Bernam, Yang Berhormat dari Hulu Bernam sekali lagi...

**YB. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Kampung Tunku, Kampung Tunku boleh?

**YB. TUAN LAU WENG SAN:** Boleh, boleh.

**YB. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Rakan kita tadi tanya tentang *report* PAC, tapi adakah siapa-siapa sudah nampak baca laporan PAC sampai sekarang?

**YB. TUAN LAU WENG SAN:** Saya ingin menjawab soalan Seri Andalas ...

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku, 2 minit.

**YB. TUAN LAU WENG SAN:** Itu, saya menjawab, saya menjawab, saya menjawab, saya menjawab. Soalan dari Hulu Bernam dan juga Seri Andalas adalah soalan yang mudah. Tapi apa pun sekali laporan PAC ini adalah rahsia rasmi. Sekiranya Hulu

Bernam hendak memetik apa-apa isi kandungan daripada laporan PAC ini, maka saya pun berasa sangsi sama ada Yang Berhormat Hulu Bernam telah pun menyalahi undang-undang Akta Rahsia Rasmi Kerajaan. Dari manakah Yang Berhormat boleh memetik ucapan atau petikan daripada laporan itu sedangkan laporan itu adalah laporan yang dikatakan sebagai rahsia rasmi. Jadi masalahnya ialah kalau kerajaan persekutuan benar maka dia mestilah berani. Kalau dia berani maka dia mestilah berada di tahap yang penting dan kedudukan yang benar. Mengapakah mereka hendak menukar atau pun peguam negara pada ambang kertas pendakwaan akan dikemukakan. Mengapakah, pesuruhjaya SPRM ditukar pada saat-saat akhir. Mengapakah laporan PAC ini perlu dirahsiakan dan apa yang dinyatakan oleh Timbalan Pengerusi atau pun Pengerusi PAC Dewan Rakyat ialah, beliau hanya menyatakan bahawa berdasarkan bukti-bukti yang dikemukakan oleh syarikat 1MDB, memang tidak ada hubung kait langsung. Itu adalah berdasarkan laporan yang dikemukakan bukti dan keterangan yang dikemukakan oleh 1MDB, memang 1MDB akan melindungi bos dia sendiri. Memang 1MDB akan perkatakan tidak ada kaitan tetapi apa yang fakta ialah dalam Artikel dan Memorandum 1MDB dinyatakan bahawa semua keputusan 1MDB termasuk pelaburan, termasuk pinjaman bon dan sebagainya perlu ditandatangani oleh Menteri Kewangan tak lain tak bukan Perdana Menteri Malaysia, Ahli Parlimen Pekan iaitu Dato' Seri Najib. Saya kata ini Dato' Seri Najib dan saya cabar kalau ada sesiapa yang berasa tidak puas hati boleh mendakwa saya.

Apa pun sekali, 1MDB ini adalah isu yang menunjukkan betapa kroniknya institusi kerajaan yang tidak menjalankan tugas mereka dengan hati yang tulus ikhlas. Jadi saya menyeru kepada semua untuk mengambil iktibar daripada perkara ini. Saya juga memohon Kerajaan Negeri Selangor cuba berbuat sesuatu sama ada kita mempunyai hak perwakilan di mana-mana peringkat penghakiman supaya *at least* sekurang-kurangnya hak dan kepentingan rakyat Negeri Selangor itu dapat dipertahankan. Jadi itulah apa yang saya ingin sampaikan pada sesi perbahasan ini, saya berharap kerajaan boleh melakukan sesuatu untuk melindungi hak dan kepentingan rakyat Selangor khasnya dan rakyat Malaysia amnya.

**TUAN SPEAKER:** Terima kasih Kampung Tunku. Selat Kelang satu minit ya.

**YB. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Ya *insya-Allah*. Terima kasih Puan Speaker, saya menyokong segala yang baik yang mengikutkan dasar dan prinsip di mana kita mahu menjaga hak dan kepentingan rakyat di Negeri Selangor. Dan juga saya bersetuju di mana Dewan ini menggesa Kerajaan Negeri bersama-sama melihat secara prinsip, secara dasar mungkin 1MDB *is the tip of the iceberg* dengan izin. Jadi mungkin ada yang banyak lagi kalau kita boleh meminta Kerajaan Negeri Selangor bersama dengan rakyat Negeri Selangor ini meletakkan bahawa kecurian duit atau wang rakyat

*tax payers money* adalah satu perkara yang tidak boleh diambil enteng dan tidak boleh disalah gunakan oleh mana-mana kerajaan. Jadi sekarang ini kita melibatkan Kerajaan Persekutuan, jangan apa pula kita lupa pada Kerajaan Negeri. Jadi inilah prinsip yang saya mahu pertahankan di dalam Negeri Selangor ini dan mudah-mudahan kita bersama ini memberikan satu keyakinan kepada rakyat negeri ini untuk kita memastikan segala khazanah di negeri ini *insya-Allah* akan diberi kepada mereka yang mempunyai integriti dan hak yang mereka akan terjamin dengan ciri-ciri kepimpinan yang sebegini, terima kasih Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Bagus Selat Klang semakin mantap. Baiklah bagi pihak kerajaan, Chempaka silakan.

**YB. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Saya ingin mengambil satu perkara yang telah dibangkitkan oleh Sabak tadi, bahawa sekiranya ketirisan di negara kita tidak berlaku, mungkin tidak ada lagi orang miskin dalam negara kita. Jadi ini bermakna bahawa ketirisan seperti mana yang berlaku dalam kes 1MDB ini, sebenarnya memberi impak kepada semua orang. Ia sepatutnya diberi perhatian oleh kita semua bukan saja dari sebelah sini tapi sebelah sana pun kena ber perhatian. Sebab kalau kita cakap ada kemiskinan kawasan-kawasan kita kalau tak ada ketirisan tak ada lagi kemiskinan tersebut. Jadi oleh yang demikian, isu ini kadangkala orang kata isu bandar. Dia bukan isu orang bandar tetapi ....

**YB. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Cela, Tuan Speaker, Tuan Speaker mencelah sedikit.

**YB. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Saya cuma, nanti lain-lain. Saya tak beri laluan.

**YB. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Tak bagi laluan?

**YB. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Tak bagi laluan. Jadi bermakna bahawa isu ini bukan isu orang bandar sahaja. Tetapi isu seluruh rakyat oleh sebab itu, menyedari akan perkara ini Kerajaan Negeri sememangnya seperti mana usul itu akan meneliti kesan terhadap pelaburan, ekonomi, percukaian dan impak terhadap rakyat Negeri Selangor secara keseluruhannya. Rentetan daripada kes ini kita akan melakukan apa saja daripada segi perlembagaan dan perundungan yang mampu dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa isu ini tidak berlaku lagi. Kita dapat menyelesaikan atau pun perkara ini tidak akan berulang lagi dan memastikanlah bahawa sebenarnya apakah impak terhadap Negeri Selangor dan

rakyat Negeri Selangor supaya kita dapat mengambil langkah-langkah untuk mengatasinya, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahawasanya Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri untuk meneliti kesan terhadap pelaburan, ekonomi, percukaian dan impak terhadap rakyat Negeri Selangor secara keseluruhannya. Rentetan kes kecurian wang dan korupsi 1MDB seperti yang difailkan oleh Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat DOJ serta impak amalan kleptorasi yang berakar di peringkat kerajaan persekutuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak, usul ini dipersetujui.

**YB. TUAN LAU WENG SAN:** *You are hopeless, hopeless, you are hopeless, hopeless.*

**TUAN SPEAKER:** Silakan Setiausaha Dewan.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya usul No. 7 Tahun 2017. Usul di bawah Peraturan Tetap 26(1) oleh Yang Berhormat Damansara Utama.

**TUAN SPEAKER:** Silakan Damansara Utama, lima belas minit.

**YB. PUAN YEO BEE YIN:** Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut. Bahawasanya Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor untuk memperuntukkan sumber kewangan yang mencukupi dan mengatur polisi negeri secara strategik bagi meningkatkan kualiti hidup dan kebajikan anak-anak kelainan upaya termasuk diagnosis, program pencegahan awal pendidikan, kebajikan kerajaan, inisiatif swasta, rangkaian dan sebagainya. Tuan Speaker sebagai seorang wakil rakyat, saya sentiasa diingatkan dengan satu kata Mahatma Gandhi yang berbunyi seperti berikut (*greatness of the nation is measured by how it treats its weakest members* dengan izin). Dengan semangat inilah yang Damansara Utama bentangkan usul ini supaya kesejahteraan anak-anak OKU di Negeri Selangor boleh di institusikan di Negeri Selangor. Sememangnya seperti yang kita tahu Kerajaan Negeri Selangor adalah Kerajaan Negeri yang paling prihatin di Malaysia. Warga-warga OKU di Selangor mendapat banyak bantuan dan keistimewaan dari Kerajaan Negeri Selangor di bawah kepimpinan Dato' Menteri Besar melalui program-program inisiatif peduli rakyat.

Tahun ini Kerajaan Negeri juga memberi peruntukan RM3 juta untuk Program Integrasi Awal *Early Intervention Programme* atau pun dengan pendek kita kata EIP di Negeri

Selangor. Ada banyak penerima-penerima untuk pertubuhan yang menerima peruntukan ini dari YB EXCO adalah pertubuhan yang saya tahu. Yang memang mereka buat kerja-kerja yang baik dan saya hendak ucapan syabas dan tahniah kepada kerajaan Selangor. Dan saya juga mendapat tahu bahawa pihak MBI melalui CSR mereka juga ada inisiatif untuk membantu merangsang inisiatif EIP (*Early Intervention Programme*). Semua ini langkah-langkah yang baik, saya berasa bahawa Selangor perlu terus maju dengan hala tuju ini bagi memelihara golongan OKU. Sememangnya daripada segi bidang kuasa, kuasa jika kita ada kuasa Kerajaan Persekutuan kita boleh membuat perubahan yang lebih baik melalui Kementerian Wanita Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Kesihatan atau pun Kementerian Pendidikan. Saiz peruntukan kita pun berbeza, saya hendak menarik perhatian Dewan yang mulia ini, saiz bajet kerajaan Selangor hanya 1% saiz bajet kerajaan persekutuan. Walau bagaimanapun, sementara kita berusaha untuk akhirnya mentadbir di Putrajaya di PRU 14, kerajaan Selangor perlu menjadi pemangkin untuk menambah baik keadaan sedia ada untuk memelihara anak-anak OKU di Selangor. Saya berpendapat bahawa peruntukan Kerajaan Negeri perlu dibelanjakan dengan lebih strategik dan bukan sekadar memberi peruntukan kepada pertubuhan-pertubuhan yang memohon peruntukan daripada kami. *We need to begin with an end in mind* dengan izin. Apakah hala tuju selepas kita belanjakan peruntukan tersebut. Apakah objektif, *what is the end game* dengan izin.

Damansara Utama berpendapat bahawa peruntukan yang diberi harus mengikut keutamaan keperluan golongan yang sasaran kita. Untuk memahami keperluan anak-anak OKU dengan lebih menyeluruh sebenarnya, Pejabat saya telah membuat satu survey, tinjauan ibu bapa yang ada anak-anak OKU untuk mengkaji dengan sistematik. Apakah keperluan mereka, apakah gap dengan izin apakah ruang yang kita boleh isi sebagai Kerajaan Negeri dengan lebih efektif. Tuan Speaker izinkan saya berkongsi sikit tentang penemuan kajian ini. Seramai 183 ibu bapa telah mengisi borang soal selidik yang kami sediakan dalam berbagai-bagai bahasa antaranya 105 responden dalam Bahasa Malaysia, 59 dalam Bahasa Inggeris dan 19 dalam Bahasa Cina. Saya akan menghantar satu hasil tinjauan kepada pihak EXCO juga untuk rujukan selanjutnya. Walau bagaimanapun, tinjauan ini adalah tinjauan yang sangat kasar, saya berasa bahawa kerajaan boleh melalui Institut Berdaya Wanita atau pun Institut Darul Ehsan boleh membuat satu kajian yang lebih teliti dengan adanya fokus *group* dan lain-lain.

Sementara itu saya berkongsi sikit penemuan yang saya dapati supaya apabila kita menimbang polisi-polisi OKU kita boleh menimbang dari segi lebih sistematik dan berdasarkan angka-angka dan fakta. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, soal selidik ini dibuat merangkumi soalan tentang kuantiti, kualiti dan *accessibility* perkhidmatan OKU

daripada beberapa aspek. Diagnosis rawatan atau pun terapi program intervensi awal pendidikan sokongan pihak kerajaan serta sokongan pihak kerajaan. Apabila kita tanya apakah aspek yang paling utama kepada ibu bapa. Antara 6 aspek ini, 26% responden memilih pendidikan sebagai aspek yang paling penting. 23% memilih program intervensi awal, 19% memilih sokongan pihak kerajaan, 12% kesedaran awam, 10% rawatan, 9% diagnosis dan 2% sokongan pihak swasta. Oleh itu kita boleh tahu 3 aspek keutamaan keperluan ibu bapa adalah pendidikan, program intervensi awal, dan sokongan pihak kerajaan. Penemuan ini menunjukkan bahawa tumpuan yang diberi oleh Kerajaan Negeri dan juga MBI dalam Program Intervensi Awal adalah tepat kerana keutamaan keperluan kalangan OKU memandangkan adalah sangat utama memandangkan pendidikan walaupun dia adalah keperluan yang utama tetapi pendidikan adalah lebih kepada bidang kuasa kerajaan persekutuan. Namun begitu izinkan saya berbincang sedikit tentang pendidikan OKU. Antara responden yang menghantar anak mereka ke sekolah, 25% pergi ke sekolah swasta dan 75% sekolah kerajaan. Walaupun 85% daripada mereka menghantar anak ke sekolah kurang daripada 20km dari rumah iaitu *accessibility* ada tetapi lebih daripada 70% ibu bapa berpendapat bahawa tiada pusat pendidikan yang mencukupi untuk kanak-kanak OKU. Ini mungkin kerana kualiti pendidikan di sekolah yang terdekat dari rumah mereka adalah tidak memuaskan. Lebih daripada 50% ibu bapa merasa bahawa anak-anak mereka tidak mendapat sokongan yang mencukupi dan pendidikan yang baik di sekolah. Oleh itu kita boleh lihat dari sini bahawa dari segi pendidikan keperluan yang penting bukan dari segi kuantiti sekolah tetapi dalam kualiti pendidikan OKU. Dengan ini gap yang pertama yang kita kenal pasti sekarang ialah keperluan untuk meningkatkan kualiti pendidikan kanak-kanak OKU.

Tuan Speaker, seterusnya saya ingin, saya ingin membangkitkan perkara yang lain juga tentang pendidikan iaitu sebenarnya dengan sedikit bantuan kebanyakan kanak-kanak OKU boleh belajar di kelas biasa di sekolah arus perdana dan bukannya di kelas khas. Sebenarnya polisi ini adalah polisi-polisi di negara-negara maju seperti Australia, UK, Korea Selatan, Singapura, Denmark. Kanak-kanak OKU yang ada ketidakupayaan, ringan kesederhanaan mereka akan dihantar kepada sekolah biasa, kelas biasa. Dengan ini kerajaan tidak perlu membina sekolah khas untuk golongan OKU dan yang paling penting ialah kanak-kanak OKU boleh membesar bersama dengan kanak-kanak yang biasa. Mereka dapat di *include* di dalam masyarakat, *inclusive society*.

Tuan Speaker, saya telah kita dalam kajian kita pun tanya juga apa, berapakah antara mereka yang pergi ke kelas biasa, dan berapakah yang pergi ke kelas khas. Penemuan kita ialah kebanyakan anak-anak OKU di Malaysia dihantar ke kelas khas OKU. Dalam penemuan itu ialah kepada kanak-kanak OKU yang pergi ke sekolah swasta, 60%

dalam kelas biasa, 40% di kelas khas tetapi untuk mereka yang pergi ke sekolah kerajaan 16% sahaja yang dalam kelas biasa tetapi 84% adalah di dalam kelas khas.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini menurut Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 hingga 2025, sasaran Kementerian Pendidikan sebenarnya adalah untuk mencapai 75% pendidikan inklusif untuk kanak-kanak OKU pada 2025 tetapi sekarang taraf kita untuk sekolah kerajaan hanyalah kurang daripada 20% kanak-kanak OKU yang dalam kelas biasa. Sebagai Kerajaan Negeri yang peduli rakyat, Kerajaan Selangor perlu membuat sesuatu untuk membolehkan lebih banyak kanak-kanak OKU mengikuti kelas biasa seperti kanak-kanak biasa. Walau bagaimanapun, bagi mereka yang menghadiri kelas biasa bantuan khas adalah sangat penting. Tanpa bantuan khas ataupun mereka untuk mereka yang tidak menyedari bahawa anak mereka ada sedikit halangan pembelajaran atau ketidakupayaan, anak-anak akan salah sangka. Orang sangka mereka ada masalah tingkah laku ataupun mereka lemah ataupun bodoh tetapi bukan. Ada yang memang ada ketidakupayaan hanya ibu bapa yang tidak tahu ada ketidakupayaan ini. Saya bagi satu statistik, di Malaysia menurut Majlis Kebangsaan Intervensi Awal Kanak-kanak. Kanak-kanak kita 70 – 80% adalah kanak-kanak biasa. 3 – 5% adalah kanak-kanak yang ada ketidakupayaan sangat serius, perlu pergi ke pendidikan khas tetapi ada 10 – 15% kanak-kanak adalah kanak-kanak yang ada IQ yang biasa tetapi ada sikit halangan pembelajaran. Itu *slow learner* tetapi mereka adalah di situasi di mana adalah ringan dan ke sederhana dan mereka sepatutnya pergi ke kelas yang biasa sepatutnya pergi ke sekolah yang biasa tetapi di Malaysia sebab kita tiada pendidikan yang inklusif semua ini kena hantar ke sekolah khas. Untuk kita meng *include* kan kanak-kanak kita ke kelas biasa, pembantu guru adalah sangat penting. Izinkan saya berkongsi satu cerita bukan kisah benar yang saya dapat dari keratan akhbar *The Sun Daily*. Seorang kanak-kanak yang bernama Daniel. Daniel ini ada masalah sikit pertuturan dan memulai program intervensi awal sejak umur 2. Dia menerima banyak sokongan apabila dia pergi ke sekolah rendah, ibu bapa dia mahu dia pergi ke kelas yang biasa. So dia tulis surat kepada guru kelas. Guru kelas cakap OK, you datang ke kelas saya duduk di barisan depan. Selepas penggal pertama dia mendapat tumpuan yang bagus daripada guru. Dia dapat 80 – 70 markah dalam peperiksaan beliau. Tetapi guru besar sudah tahu. Guru besar kata tidak boleh anak ini anak OKU perlu pergi kelas khas. Ibu bapa tak mahu nak Daniel juga *continue* dalam kelas biasa. Apa yang terjadi ialah Guru Besar memaksa guru kelas ini untuk hantar Daniel ke belakang, tak boleh memberi tumpuan yang khas untuk orang OKU ini. Akhirnya Daniel mendapat 45 – 50 markah dalam peperiksaan mereka. Kes tadi ini menunjukkan bahawa anak OKU boleh dalam kelas biasa tetapi mereka memerlukan bantuan khas. Oleh itu Kerajaan Persekutuan sememangnya ada satu program pembantu guru tetapi tidak mencukupi lagi sekarang. Apa daripada kajian kita, kita mendapati bahawa untuk mereka yang pergi kelas biasa, 40% sahaja yang ada

pembantu guru. Pembantu guru adalah seseorang yang di kelas bukan guru yang memberi *lesson* tetapi guru yang membantu mereka yang ada kesukaran dalam fizikal, ada ketidakupayaan. Dengan ini *gap* yang kedua yang kita tahu ialah bilangan pembantu guru perlu ditingkatkan supaya anak-anak OKU boleh belajar di kelas-kelas biasa tanpa tercicir.

Tuan Speaker seterusnya saya ingin membincangkan dari aspek Program Intervensi Awal. Hanya 35% responden kajian kami yang menghantar anak ke Program Intervensi Awal (EIP) dengan 45% pergi ke pusat swasta, 29% pusat kerajaan dan 28% ke dua-duanya. Selain itu lebih daripada 60% ibu bapa yang menghantar anak ke EIP menghadapi masalah untuk menghantar anak mereka. Walau bagaimanapun bagi mereka yang menghantar mereka berasa berpuas hati apabila dengan kualiti program yang didaftar. Oleh itu masalah program intervensi awal adalah bukan dari segi kualiti tetapi kita tidak ada program ataupun pusat EIP yang mencukupi. So, di Malaysia EIP boleh di didapati dari melalui sektor awam ataupun sektor swasta. Dari sektor awam adalah di bekalkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat yang dikenali sebagai *Community Based Rehabilitation* (CBR) Pusat CBR. Di Selangor kita ada 45 buah sahaja CBR. Sebenarnya di seluruh Malaysia kita ada 507 buah CBR tetapi di Selangor kita ada 55 buah CBR sahaja tetapi populasi kita adalah 25%. Apa yang kita dapat adalah 10% daripada jumlah CBR yang di bekalkan oleh JKM sahaja. Mohon kerajaan untuk mengambil maklum yang ini. Prestasi CBR ini adalah tidak seimbang disebabkan kekurangan kakitangan terlatih untuk menjalankan program pemulihan. Prestasi pembekal perkhidmatan dari sektor swasta juga berbeza-beza. Ada yang dilaporkan sangat mahal tetapi kualiti tak baik, ada yang kualiti baik, harga pun ok, ada yang kualiti baik tapi mahal dan lain-lain sebab tak ada standard yang diselaraskan oleh kerajaan. Dengan ini gap keempat yang kita tengok adalah di mana ada kualiti yang berbeza-beza dan kita tiada satu standard untuk rujukan. Apabila orang pertubuhan memohon peruntukan daripada kita, kita tidak tahu sama pertubuhan-pertubuhan ini ataupun organisasi ini adalah berkesan ke tidak dalam kerja-kerja mereka. So, ini menyusahkan sebab kita tidak tahu berapakah peruntukan yang kita boleh bagi untuk memaksimumkan *Return On Investment* (ROI) untuk wang rakyat, wang rakyat yang kita belanja, keberkesanan mesti dimaksimumkan.

Tuan Speaker seterusnya saya ingin membincangkan keperluan utama ibu bapa yang ketiga iaitu sokongan pihak Kerajaan. Antara jenis perkhidmatan dari pihak kerajaan yang menjadi keutamaan ibu bapa adalah dari segi terapi, kewangan, pendidikan sama ada dalam bentuk program intervensi awal ataupun vokasional. Selain daripada keperluan utama, kami juga mendapati bahawa kesedaran awam tentang ketidakupayaan adalah masih rendah. Lebih daripada 50% ibu bapa berpendapat bahawa orang awam tidak memahami keadaan ketidakupayaan dan 75% berpendapat

bahawa publisiti tentang OKU adalah tidak mencukupi. Selain daripada tinjauan ibu bapa saya juga telah menjalani tinjauan bagi NGO-NGO untuk kanak-kanak OKU. Penemuan yang paling penting yang kami dapati ialah kebanyakan NGO-NGO ini tidak dapat status organisasi sebagai badan amal yang boleh diluluskan untuk potongan cukai untuk penderma mereka (*tax relief*) dengan izin. Tuan Speaker, selepas panjang lebar saya menghuraikan penemuan-penemuan....

**TUAN SPEAKER:** 2 minit lagi ya.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Izinkan saya 5 minit untuk mencadangkan beberapa langkah yang boleh diambil oleh Kerajaan. Sebagai langkah keseluruhannya saya mencadangkan Kerajaan Negeri Selangor menubuhkan satu unit OKU di bawah STANDCO Wanita serta memberikan sumber kewangan yang mencukupi untuk operasi Unit OKU. Unit OKU ini berfungsi untuk menyelaraskan semua hal ehwal warga OKU. Ia boleh dibahagikan kepada 2 iaitu Bahagian Pentadbiran untuk mengendali urusan pentadbiran teknikal dan bahagian teknikal yang terdiri daripada pakar-pakar dari perbagai bidang dalam hal ehwal OKU. Peranan-peranan yang boleh dimainkan oleh unit ini bagi menjaga kebajikan anak-anak OKU termasuk :-

- (1) Menyelaras dengan Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan kualiti pendidikan khas OKU di Selangor secara sistematik memandangkan banyak lagi kanak-kanak OKU sekarang di kelas khas OKU.
- (2) Unit ini harus meningkatkan bilangan pembantu guru di sekolah-sekolah arus perdana di Selangor supaya lebih banyak lagi anak-anak OKU boleh mendapat pendidikan *inclusive* tidak berpisah dengan kanak-kanak lain. Dengan bantuan khas mereka dapat mencapai keputusan yang setanding dengan kanak-kanak lain.
- (3) Unit ini perlu membantu sektor swasta mahupun awam untuk meningkatkan bilangan Pusat Program Intervensi Awal (EIP) di Selangor memandangkan EIP masih tidak mencukupi. Peruntukan kerajaan EIP dan inisiatif-inisiatif MBI perlu diteruskan. Bengkel-bengkel latihan untuk guru-guru CBR dan Pusat EIP swasta perlu diadakan untuk meningkatkan kualiti EIP.
- (4) Unit ini harus memberi insentif kepada ibu bapa-ibu bapa untuk menghantar anak-anak OKU pergi ke sekolah ataupun pusat EIP. Sebagai contoh bantuan kewangan RM200 untuk setiap ibu bapa yang menghantar anak ke sekolah untuk meringankan dan *incentivise* mereka untuk menghantar anak-anak untuk mendapatkan pendidikan. Memandangkan pengangkutan ke sekolah ataupun

Pusat EIP adalah masalah yang dihadapi oleh kebanyakan ibu bapa kerajaan boleh melalui Pihak Berkuasa Tempatan menyediakan van-van khas untuk menghantar anak-anak OKU ke sekolah ataupun Pusat EIP. Sebagai contoh MBPJ ada van yang spesifik untuk menghantar OKU ke destinasi mereka. Van-van ini boleh ditambahkan dan digunakan untuk menghantar anak-anak OKU ke sekolah.

- (5) Unit ini hendaklah menyelaras pelbagai pihak yang terlibat dalam kebajikan OKU sama ada dari sektor awam ataupun swasta. Setakat ini negeri Selangor tiada inisiatif kerajaan ataupun bukan kerajaan yang menghubungkan semua pihak yang terlibat dalam kebajikan OKU dalam seluruh negeri Selangor secara sistematik. Dengan adanya penyelaras dan *network* semua pihak boleh bekerja dengan lebih rapat lagi dan dapat meningkatkan lagi impak positif kepada warga OKU.
- (6) Unit ini hendaklah mewujudkan sistem pendaftaran, pembekal perkhidmatan OKU secara *online*. Kualiti setiap pembekal perkhidmatan OKU termasuk CPR pusat swasta, sekolah dan sebagainya boleh dinilai oleh bahagian teknikal setiap tahun. Dengan adanya pendaftaran dan penilaian berkala, pembekal perkhidmatan OKU kerajaan boleh mewujudkan satu direktori yang komprehensif.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Tuan Speaker, boleh mencelah untuk Damansara Utama. Saya ingin bertanya kepada Damansara Utama, berapa banyak Pusat Pemulihan Dalam Komuniti di Damansara Utama yang mana disediakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga. Di Hulu Selangor sudah ada 7 jadi pertanyaan saya ingin menjelaskan bahawa Pusat Pemulihan Dalam Komuniti telah disediakan secara meluas oleh Kementerian Pembangunan Wanita terutama di Selangor sendiri. Terima kasih.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN :** Saya sudah bagi statistik tadi, kita ada 45 CBR dan saya berharap kita boleh bekerja sama dan meningkatkan lagi Pusat CBR memandangkan jumlah seluruh Malaysia adalah 500. So saya balik kepada *point* saya sebab CBR sudah jauh.

**TUAN SPEAKER:** Damansara Utama saya betul-betul perlu Damansara Utama ringkaskan.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Ya.

Direktori. Direktori kita kena ada direktori pembekal perkhidmatan untuk anak-anak OKU yang komprehensif. Direktori ini boleh digunakan oleh ibu bapa untuk mencari agensi atau pun pertubuhan yang bersesuaian untuk anak mereka mengikut jenis bantuan, kualiti, kos, jarak dan kemudahan. Informasi adalah penting untuk sesiapa yang memerlukan keperluan.

- (7) Unit ini boleh dipertanggungjawabkan untuk menyalurkan peruntukan Kerajaan Negeri kepada pertubuhan yang memohon peruntukan kerajaan berdasarkan penilaian keberkesanan pertubuhan-pertubuhan. Tujuan adalah untuk memastikan setiap sen yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dapat digunakan secara efektif.
- (8) Unit ini hendaklah membantu NGO-NGO untuk menyelaras dengan agensi persekutuan yang berkaitan untuk mendapat status potongan cukai bagi penderma-penderma mereka.
- (9) Memandangkan kesedaran awam tentang OKU masih lagi rendah, Unit ini juga hendaklah menjalankan publisiti dan kempen kesedaran awam yang berterusan dan bukan sahaja *one off* untuk memastikan rakyat Selangor bukan sahaja ada *first class infrastructure* tetapi juga *first class mentality*.
- (10) Akhirnya sebagai kerajaan adalah penting kita sentiasa mengkaji polisi yang sedia ada. Oleh itu saya berasa unit OKU ini juga perlu bekerja sama dengan pihak lain seperti Institut Darul Ehsan ataupun akademi yang lain untuk mengkaji polisi-polisi yang sedia ada dan bagaimana holistik nya kita meningkatkan kebijakan OKU kanak-kanak OKU ataupun warga-warga OKU di Selangor.

Tuan Speaker, itulah 10 cadangan saya untuk pertimbangan Kerajaan Negeri. Semua ini tertumpu pada *software* dan bukan *hardware* dan saya berasa bahawa YB-YB lain boleh memberi cadangan lain dalam Perbahasan seterusnya seperti *Universal Design* dan lain-lain. Harap-harap kesejahteraan anak-anak OKU di Negeri Selangor boleh diinstitusikan di Dewan yang mulia ini melalui Usul yang dibentangkan. Sekian, sahaja ucapan saya, Damansara Utama mohon mencadang.

**TUAN SPEAKER:** Ada penyokong?

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Tuan Speaker, saya menyokong. Boleh saya bahas terus?

**TUAN SPEAKER:** Boleh 5 minit je.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Ok, terima kasih. Tuan Speaker saya Batu Tiga ingin mengambil peranan dalam menyokong saranan ataupun Usul yang dibawa oleh Damansara Utama terutama di dalam aspek yang disebut untuk Kerajaan Selangor mengatur satu polisi khas dan strategik untuk OKU di Selangor dengan menyediakan Unit Khas sama ada ia dalam konteks institusi atau pun dalam konteks majlis permuafakatan OKU yang saya rasa sudah sampai masanya. Apa yang dibicarakan oleh pihak Damsansara Utama sebenarnya Kerajaan Negeri Selangor sekarang ini telah pun memainkan peranan yang aktif dalam konteks kebijakan dan juga membantu anak-anak yang kurang upaya ini dalam konteks memberikan dana khusus untuk memastikan mereka telah pun mendapat satu suntikan iaitu EIP dapat satu suntikan untuk memastikan boleh mengambil banyak ramai lagi anak-anak OKU di dalam program mereka tetapi yang saya ingin nyatakan di sini dalam merangka satu aktiviti yang khusus dan holistik kepada OKU ini kita jangan sahaja menampakkan satu-satu menjuruskan semata-mata dalam konteks pendidikan dan juga kebijakan saya ingin menambah kalau boleh pihak Kerajaan Negeri mengambil kira dalam aspek sosial dalam aspek infrastruktur awam, ekonomi yang penting dalam kita memastikan orang kurang upaya ini dapat menjadi manusia sebagaimana kita dalam menjalani kehidupan sehari-hari.

Oleh itu Batu Tiga ingin mencadangkan beberapa perkara bagi memantapkan lagi Unit *Insya-Allah* kalau ia akan dilaksanakan iaitu sedikit latar belakang yang diberi oleh Damansara tadi kalau kita lihatkan sebenarnya sistem pendidikan untuk orang OKU ini agak sedikit menguncup dalam konteks dia seperti piramid terbalik, dia banyak aktiviti yang dibuat untuk pra, untuk sekolah *premier* atau sekolah rendah tetapi bila pergi kepada sekolah menengah khas kekurangan bilangan sekolah-sekolah yang menampung mereka yang kurang upaya ini tidak ada, tidak banyak. Ia lebih diberikan ataupun dipulangkan kepada swasta dalam melaksanakan perkara ini. Jauh lagi bila mana mereka ini dapat selesai pendidikan tahap tingkatan 5 mereka tidak ataupun terkapai-kapai dalam konteks bagaimana mereka perlu masuk dalam industri pekerjaan bila mana tidak ada satu bimbingan khas yang dibuat. Jadi untuk itu saya mencadangkan jika ada kita dapat melaksanakan satu polisi khas bagaimana bilangan OKU di Selangor ini dapat dikenal pasti dan akhirnya dibimbing sehingga boleh dimasukkan di dalam sektor pekerjaan dengan kita memberikan mereka sedikit insentif dan juga bimbingan selama 6 bulan mungkin untuk mereka pergi ke kelas-kelas atau pun program-program khas supaya ianya dapat masuk dalam program *job placement* dengan izin ataupun mereka boleh ditempatkan di tempat-tempat akhirnya mereka boleh berdikari sebab apa yang saya lihat telah ada sekarang ini Jabatan Kebajikan Masyarakat memang menggalakkan Orang Kurang Upaya ini bekerja tetapi mereka

terlepas pandang ataupun mereka vakum di situ iaitu mereka tidak memastikan bagaimana untuk membantu memberi semua *support system* agar Orang Kurang Upaya ini boleh bekerja.

Yang ketiganya saya ingin menyatakan tentang konteks dalam konteks kita walaupun kita tahu dalam Selangor ini ada CBR atau *Community Based Rehabilitation* (CBR) dalam bahasa Malaysiana Pusat Pemulihan Dalam Komuniti bagi saya ia tidak mencukupi. Sudah sampai masanya satu polisi kerajaan untuk memastikan Pihak Berkuasa Tempatan merangka satu kajian atau satu pelan tempatan yang mana memasukkan lebih awal lagi Pusat CBR ini di dalam perancangan dalam satu-satu taman. Sebagaimana kita masukkan wujudkan dewan-dewan atau pusat-pusat taska ataupun tadika, CBR ni mestilah dimasukkan dalam satu perkara yang boleh yang mesti dibuat oleh pihak pemaju dalam merangka sesuatu taman itu. Memandangkan jumlah OKU yang terlibat dan ia lebih penting untuk memastikan OKU ini boleh bersosial, sebagaimana mereka boleh bersosial dengan masyarakat sekeliling.

Yang ketiga dalam aspek infrastruktur nya saya berharap sangat banyak kali saya juga menyatakan dalam soalan Dewan supaya diwujudkan satu unit khas pemantauan untuk memastikan bahawa kemudahan awam ini dapat disediakan sebaik mungkin. Kemudahan awam ini jangan hanya kita fikir jalan raya, pengangkutan awam tetapi masjid, surau, kuil, tokong, pasar-pasar awam yang mereka mesti menyediakan satu standard yang universal bukan lagi hanya sekadar buat tetapi tidak menepati apa yang di.

**TUAN SPEAKER:** Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Itu sahaja perkara-perkara yang ingin saya sebut dengan ini saya harap 4 perkara ini boleh dilaksanakan tapi yang lebih penting cadangan Damansara Utama untuk mewujudkan Unit di bawah STANDCO Kebajikan Wanita dan juga Keluarga ini untuk Orang Kurang Upaya ini dapat dilihat secara serius saya sokong seratus peratus. Terima kasih Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Usul ini telah pun disokong. Saya buka untuk dibahaskan. Ya Permatang 5 minit.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih. Berapa minit? *Less than 5 minutes.* Ok, terima kasih Speaker. Saya alu-alukan Usul yang dibawa oleh Damansara Utama tadi melalui Peraturan Tetap 26(1) oleh Yang Berhormat Damansara Utama. Saya alu-alukan mengenai Yang Berhormat punya cadangan dan saya meneliti apa juga cadangan yang diberikan 10 perkara. Walau bagaimanapun

Yang Berhormat ada terlepas pandang dan sebagai maklumat kepada Dewan ini bahawa sebenarnya ada satu dasar yang selama ini sudah ada dalam negara kita iaitu mengenai PPKI yang mungkin Damansara Utama terlepas pandang ataupun tak disebut. Saya mengambil satu aspek dari pendidikan anak-anak OKU. Kita ada satu program yang dipanggil Program Pendidikan Khas Integrasi ataupun PPKI. Program PPKI ini ada di semua sekolah menengah dan sekolah rendah di seluruh negara. Sebagai maklumat kepada Dewan bahawa sekolah rendah mengambil pelajar daripada umur 7 sehingga 12 tahun. Sekiranya perlukan latihan lanjutan ia dilanjutkan sehingga umur 14 tahun. Untuk sekolah menengah, pelajar diambil pada umur 13 sehingga 17, sekiranya ada keperluan untuk menambah ataupun perlukan lagi latihan dia akan dilanjutkan sehingga umur 19 tahun. Untuk sekolah menengah harian, menengah dan sekolah rendah dan yang lebih menariknya pelajar-pelajar ini juga semua pelajar yang menjadi pelajar kepada program ini PPKI ini diberikan EMK, Elaun Murid Khas sebanyak RM150.00 sebulan yang dimasukkan oleh Kementerian Pelajaran kepada Pejabat PPD dan terus disalurkan ke akaun pelajar-pelajar berkenaan yang mana elaun ini mereka boleh gunakan untuk urusan diri, beli pakaian, ibu bapa boleh gunakan untuk beli alat-alat sokongan bantuan dan sebagainya. Jadi saya merasakan bahawa kemudahan-kemudahan peralatan juga di sekolah-sekolah yang ada PPKI ini cukup teratur. Saya biasa datang ke sekolah ini mereka diajar buat menguruskan diri, menggosok pakaian, membuat makanan, membuat bakeri dan banyak program-program yang Kementerian Pendidikan sudah sediakan yang mana pelajar-pelajar ini boleh belajar mengikut pelajaran sebagaimana pelajar biasa di arus perdana. Dan untuk makluman Ahli-ahli Dewan juga bahawa sekiranya pelajar ini ada kebolehan untuk mengambil peperiksaan mereka dibenarkan untuk mengambil peperiksaan di arus perdana termasuk juga PT3. Sebagai makluman sahaja la, di kawasan saya sendiri di Sekolah Menengah Pangkalan Permatang ada 2 orang yang mendapat 5A di dalam PT3. Memang bersaing dengan pelajar-pelajar biasa. Yang kedua ada seorang pelajar yang saya boleh rekodkan namanya Saudara Duan Amari. Pernah memenangi beberapa pingat emas Sukan Asia untuk Paralimpik yang maka bila mereka datang pada peringkat awalnya sangat lemah tetapi bila dilatih dia menjadi seorang pelajar atlet yang begitu baik dan pernah bertanding di Sukan Olimpik. Dan dia ni sebagai makluman kepada Dewan kita ini supaya kita dapat war-war kan tetapi saya bersetuju sekiranya sektor-sektor yang lain bolehlah Kerajaan Negeri mengambil peranan yang sama juga.

Dan satu lagi yang terakhir Tuan Speaker, kita juga ada PDK (Pusat Dalam Komuniti) yang ini untuk anak-anak OKU yang sangat teruk, yang terlantar, yang terbaring dan mereka juga disediakan satu pusat PDK setiap Parlimen menyediakan dan mereka juga diberikan elaun khas untuk setiap pelajar yang boleh digunakan oleh ibu bapa untuk tujuan pengangkutan, peralatan dan sebagainya. Jadi sebagai maklumat sahaja la dan

terima kasih saya boleh lah menyokong Usul yang dibawa oleh Damansara Utama ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah saya minta pihak Kerajaan menggulung. 3 minit.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Yang Berhormat Tuan Speaker, perbahasan, perbahasan 5 minit. 3 baris sahaja. Ada isu, ada isu. Aduan.

**TUAN SPEAKER:** 3 minit.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** 3 minit. Terima kasih Tuan Speaker. Sebagai satu aspek ataupun satu tambahan kepada perbahasan kita saya ingin meminta ataupun mencadangkan kepada Yang Berhormat EXCO tentang mungkin kita boleh mula memberi makna kepada Usul ini dengan memulakan audit terhadap penguatkuasaan *Universal Building By-Law* dan juga pematuhan kepada *Person With Disability Act 2008* di mana saya telah pun dibangkitkan, saya telah pun menerima aduan tentang perkara ini oleh sebuah NGO di mana masih ada lagi isu ketidakpatuhan kepada *Universal Building by Law* dan juga *person with Disability Act 2008*. Di mana samada *guideline* atau pun pematuhan undang-undang itu tidak dikemaskinikan atau pun pematuhan itu diluluskan dengan sewenang-wenangnya. Tidak ada apa-apa pemantauan yang rapi dijalankan dan salah satu contoh ini adalah berkenaan dengan pembinaan infrastruktur-infrastruktur awam, bukan sahaja infrastruktur-infrastruktur awam yang diselenggara oleh PBT tetapi juga bangunan-bangunan swasta yang dibina oleh pemaju. Ada isu disini dan salah satu contoh yang saya terima baru sahaja sebulan yang lepas daripada sebuah NGO, Pangsapuri Setiara Villa di PJU 6A, Petaling Jaya ada isu-isu ketidakpatuhan terhadap undang-undang yang sedia ad tetapi ianya masih tidak diselesaikan. Saya kira kita boleh bermula di peringkat audit samada bangunan-bangunan ini mereka samada mereka telah mematuhi peraturan atau pun *guideline* yang telah disediakan. Ya atau tidak samada *guideline* itu adalah terlalu longgar dan perlu dikemaskinikan sebab isu yang ada disini ialah walaupun infrastruktur-infrastruktur itu ada tetapi untuk access, untuk OKU, untuk *access to the park* terdapat isu-isu yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan. Saya memohon pihak EXCO boleh memberi makna kepada usul ini dengan membuat audit. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah, Sementa.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih, Tuan Speaker. Saya mengucapkan terima kasih kepada Damansara Utama di atas Usul yang menggesa Kerajaan Negeri Selangor memperuntukkan sejumlah kewangan yang mencukupi dan mengatur polisi Negeri secara strategik bagi meningkatkan kualiti hidup dan kebajikan

anak-anak kelainan upaya termasuk diagnosis, program pencegahan awal, pendidikan, kebajikan kerajaan dan sebagainya. Untuk makluman, seramai 18,437 orang anak-anak kurang upaya pelbagai kategori iaitu autisme, ADHC, ADD, gangguan integrasi deria, masalah pembelajaran iaitu *learning disability* seperti dyslexia, dyscalculia, dysgraphia dan slow learner yang meliputi 18,437 orang ini. Kerajaan Negeri Selangor dalam pembentangan belanjawan 2017 juga telah meluluskan sejumlah RM3 juta untuk menjayakan program EIP iaitu Program Intervensi Awal sebagai langkah dalam mewujudkan masyarakat penyayang. Program ini bertujuan untuk menyediakan pendidikan dan perkhidmatan terapi yang diperlukan oleh kanak-kanak berkeperluan khas seperti fisioterapi, *occupational therapy*, *speech therapy* dan *hydrotherapy*.

Melalui peruntukan yang diluluskan, Kerajaan Negeri telah menzahirkan sokongan dan komitmen dalam membantu pihak institusi dan badan kebajikan dalam menyediakan perkhidmatan pendidikan EIP ini, *Early Intervention Program* yang terbaik kepada kanak-kanak yang berkeperluan khas. Bantuan yang diperlukan juga adalah diharap dapat membantu dan menampung kos-kos yang berkaitan dengan pelaksanaan program EIP tersebut. Buat masa ini, lapan (8) buah institusi atau sekolah EIP telah menerima bantuan geran EIP oleh Kerajaan Negeri Selangor berjumlah RM750,000.00 dan antaranya ada..... saya tak.....

Melalui bantuan geran EIP ini, secara tidak langsung Kerajaan Negeri membantu pihak sekolah untuk menjalankan pelbagai program pendidikan terapi mahupun pembangunan anak-anak OKU sebagai sokongan dari segi kewangan. Selain daripada itu, pihak Jawatankuasa Tetap Kebajikan dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat akan menganjurkan satu karnival pekerjaan untuk OKU pada penghujung Ogos ini bagi menyediakan satu platform pertemuan majikan dan pemohon kerja dalam kalangan OKU selain menggalakkan peluang pekerjaan kepada golongan OKU seperti yang disebut oleh Batu Tiga sebentar tadi. Dalam karnival ini dijangka 20 pempamer terdiri daripada kumpulan majikan, NGO dan PDK iaitu Pusat Pemulihan Dalam Komuniti akan terlibat dalam menyediakan *walk in interview*, sesi suaikenal majikan dan potensi pekerja, platform pemasaran produk-produk yang dihasilkan oleh OKU serta kaunter pendaftaran kad OKU dan bantuan-bantuan berkenaan OKU oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Selain daripada itu, seperti yang disebut oleh Kampung Tunku, pihak Kerajaan Negeri juga melalui Jawatankuasa Tetap Kebajikan pada tahun ini akan menjalankan satu Bengkel Bebas Halangan OKU atau *universal design* bagi tujuan menambahbaik infrastruktur dan kemudahan awam berkaitan OKU dan merealisasikan Negeri Selangor sebagai bandar yang mesra OKU melalui penambahbaikan peraturan atau garis panduan di peringkat perancangan pembangunan sesuatu kawasan di bawah seliaan

Pihak Berkuasa Tempatan. Selain daripada itu, pada tahun 2015, satu konvensyen OKU Negeri Selangor telah mempunyai satu resolusi dan mencadangkan untuk menubuhkan Majlis OKU peringkat Negeri Selangor yang akan melibatkan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Negeri Selangor sebagai salah satu daripada ahlinya. Ini bertepatan dengan saranan daripada Damansara Utama untuk menubuhkan Unit OKU di dalam Kerajaan Negeri Selangor dan pihak Kerajaan Negeri begitu berterima kasih atas cadangan dan saranan daripada Damansara Utama untuk kita melihat perkara ini dengan lebih mendalam lagi dan saya amat menghargai dan kita mungkin boleh duduk dan membincangkan perkara ini bagi merealisasikan perkara-perkara yang disarankan oleh pihak Damansara Utama. Jadi, dengan itu saya ucapkan terima kasih kepada Damansara Utama yang memberikan atau pun mengusulkan tentang perkara ini dan juga ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang telah pun turut serta berbincang iaitu Batu Tiga, Permatang dan Kampung Tunku. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, ada pun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu Usul yang berbunyi bahawa :-

“Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor untuk memperuntukkan sumber kewangan yang mencukupi dan mengatur polisi negeri secara strategik bagi meningkatkan kualiti hidup dan kebajikan anak-anak kelainan upaya termasuk diagnosis, program pencegahan awal, pendidikan, kebajikan kerajaan dan sebagainya.”

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata “YA”.

**AHLI DEWAN:** Ya.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata “TIDAK”. Usul dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya, Usul nombor 8 tahun 2017. Usul di bawah Peraturan Tetap 26 oleh Yang Berhormat Hulu Kelang.

**TUAN SPEAKER:** Silakan Hulu Kelang, 5 minit.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih. Satu Usul yang besar akan disampaikan dalam masa 4 minit setengah. Terima kasih, Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut :-

“Bahawa Dewan yang mulia ini mengambil berat tentang permasalahan kemiskinan dan kualiti hidup beberapa kelompok dan segmen rakyat Selangor yang pada realitinya

secara berterusan berada di bawah paras garis kemiskinan, tekanan dan penderitaan hidup yang berada dalam keadaan hutang yang berpanjangan, tahap kesihatan yang jauh di bawah piawaian kesihatan sebuah negeri maju seperti Selangor dan mudah dimanipulasikan oleh golongan-golongan dan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Dengan itu, Dewan yang mulia ini menyeru agar Kerajaan Negeri memulakan langkah untuk merangka dan seterusnya melaksanakan strategi menyeluruh dan bersepadu membasmi kemiskinan di Negeri Selangor.”

Tuan Speaker, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi saya ruang untuk berbahas membentangkan Usul ini di Dewan yang amat mulia ini. Tujuan saya membawa Usul ini adalah bagi memperpadukan segala usaha-usaha yang sedang dilakukan oleh Kerajaan, IPR (Inisiatif Peduli Rakyat). 1 hingga ke 17, ada 17 pakej yang dilaksanakan oleh Kerajaan yang setiap satunya boleh kita kaitkan dengan isu menangani kemiskinan. Saya hadir disini adalah untuk membangkitkan satu kesedaran dalam diri saya dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, kakitangan-kakitangan awam, warga kerja, rakyat keseluruhannya bahawa kemiskinan ini merupakan satu sikap yang boleh dikongsi berdasarkan kefahaman dan prinsip kasih sayang, memahami dasar, objektif, hasrat, paradigma, simpati, empati, azam, iltizam, kesungguhan dan penghayatan kita tentang isu ini. Kalau kita bertanggungjawab dalam konteks kesedaran untuk menyedari bahawa kemiskinan ini adalah satu gejala yang perlu kita hadapi. Ia memerlukan satu proses yang mendalam, satu proses yang boleh menyedarkan kita bahawa kemiskinan adalah musuh utama kita kerana ia membawa satu gejala yang tidak baik. Saya telah diamanahkan sehingga kini, 8 tahun, 9 tahun menjadi ADUN. Kita lihat di Hulu Kelang sendiri kalau kita bercakap tentang kemiskinan. Orang yang sama itulah, sejak tahun 2008 hingga hari ini yang kita bantu. Sikit-sikit pun kita bantu tapi yang nyata dalam diri mereka dan dalam segmen ini adalah satu sikap yang tidak memamerkan adanya usaha yang dilakukan oleh pihak kita atau pun pihak Kerajaan atau pun mana-mana pihak yang nak bebaskan mereka daripada kefahaman dan rasa rendah diri, berterusan sakit, meminta bantuan dan daif dalam segala segi. Daif dalam segala segi ini yang kroniknya adalah apabila dia bersangkutan dengan kedaifan dia terhadap maklumat, pengetahuan dan dia tidak tahu apa yang dia berhak berusaha di atasnya.

Jadi, oleh kerana ini saya ingin memberikan satu gambaran bahawa gambarannya adalah suasana kemiskinan ini sudah kita usahakan. Kita beri bantuan, tiga (3) portfolio STANDCO, EXCO telah berjumpa, berbincang dan menyatakan ada fokus dan ada halatuju yang kita lakukan. Tetapi kalau kita survey pada hari ini keadaannya biasa. Jadi apa sebab? Ada saya bertemu dengan rakan-rakan Yang Berhormat yang mengatakan bahawa kemiskinan ini adalah satu perkara yang kekal dan sentiasa wujud dalam masyarakat dan tidak boleh dibanters, tidak boleh dihapuskan. Sebenarnya

tidak betul. Daripada segi Islam kalau kita lihat.... saya akan cakap sampai habislah. Saya sambung dalam sidang Dewan yang akan datang ya, boleh Tuan Speaker? Alang-alang ya.

Pada hari ini, saya nak *share* satu prinsip bahawa di dalam Islam, dasarnya Islam berpendirian bahawa kemiskinan bukan perkara yang kekal dan mesti wujud dalam masyarakat. Orang kritik bahawa dalam Islam ada lapan (8) asnaf, ada asnaf fakir, miskin. Kritik terhadap Islam mengatakan bahawa *your religion admitted*, dengan izin bersetuju bahawa fenomena miskin dan fakir itu ada. Ini merupakan satu *recognition*, dengan izin yang membuktikan bahawa Islam memberlakukan orang miskin, orang susah. Tetapi yang dimaksudkan oleh lapan (8) asnaf itu dan apabila kita lihat dalam sejarah Nabi Muhammad S.A.W., yang ditekankan adalah membantu orang miskin dan fakir hingga tidak ada orang yang merempat, yang susah. Jadi kita kena faham bahawa kemiskinan sebenarnya adalah perkara yang bukan kekal. Perkara yang sementara, yang berterusan ada dengan suasana yang menjadikan seseorang yang berpegang kepada agama dan nilai sosial, nilai kemasyarakatan, keinginan, kecintaan dan usaha untuk membantu dan mewujudkan kasih sayang. Sebenarnya kita percaya bahawa kemiskinan boleh dihapuskan, kemiskinan boleh dibasmi dan dikosongkan kewujudannya, di zero kan.

Jadi dengan itu, saya nak mengajak Tuan-tuan melihat satu perspektif yang berlaku di dalam masyarakat kita. Satu amalan yang mudah, tangan di atas lebih baik daripada tangan di bawah. Terjemahan daripada sebuah hadis yang bermaksud orang yang memberi lebih baik daripada orang yang meminta. Tidak hina yang meminta, tangan yang memberi lebih baik daripada tangan yang menerima. Tidak hina menerima, meminta pun apabila kamu berada dalam keadaan yang kritis tidak merupakan satu penghinaan. Tetapi yang ditekankan ini adalah tangan di atas lebih mulia daripada tangan di bawah. Dalam konteks individu memberi, bersedekah, membantu lebih mulia daripada menerima. Ini memberikan satu konsep motivasi yang tinggi. Jika dikatakan dalam konteks sebuah Negara, kerajaan dan rakyat. Hubungan ini nak kita wujudkan dalam konteks sistem, *system meet program*. Maka ia bererti bahawa kerajaan itu memberi lebih baik daripada meminta. Apa kita katakan? Kita katakan memberi itu adalah mewujudkan sistem ekonomi, sistem pentadbiran yang memberi subsidi, bantuan bagi menjana kekayaan rakyat, bagi memberi bantuan kepada rakyat untuk menjana ekonomi yang lebih baik. Meminta kalau kerajaan itu menerima bermakna ia menerima cukai. Inilah satu keadaan yang sedang kita hadapi di mana kerajaan manapun dia fikir tentang cukai, kenakan cukai, GST. GST di negara-negara lain Tuan, dilihat dan diukur dalam konteks memberi kebahagiaan dan kesaksamaan kepada rakyat. GST kita 6%, rakyat terasa tertekan, sakit hati marah kepada kerajaan. Bawa pergi restoran makan nasi arab dengan Y.B. Dengkil, kita makan tiga orang bil

RM70.00. Cek RM70.00 tu RM11.00 GST. Boleh jemput lagi sorang kawan. Kenapa? Tidak gembiranya rakyat dikenakan GST. GST tu betul-betul cukai yang menjadikan kita jengkel, marah, sakit hati, apa macam, betul? Sedangkan konsep GST ini dia nak menjana ekonomi. Di New Zealand, saya baru balik New Zealand, saya akan sambung pada sidang akan datang. Biasa kita sambung esok kan? Ataupun petang. Jadi, saya harap saya boleh sambung pada sidang akan datang kalau saya hidup, saya hidup lagilah. 18% New Zealand. Tapi mereka *immediately rasa the more they pay the tax the more facilities* jalan yang elok, jambatan yang elok, alam sekitar yang bersih, *it's not free*. Kalau tuan-tuan pergi masuk New Zealand, Australia dia jaga *you tak bawa benda-benda yang boleh membawa angkara kepada negaranya dari segi makanan dan sebagainya*. New Zealand negara yang macam itu pun merupakan negara yang paling bersih, paling kemas, paling teratur penjagaan alam sekitarnya dan semua itu tidak *free*. Semua itu adalah kerana ada sumbangan rakyat melalui cukai, melalui bayaran GST dan seumpamanya. Kita hari ini kita jengkel, sakti hati kena bayar GST yang kita masih berada dalam keadaan yang tertekan. Dan oleh kerana itu, apabila kita pergi pada masyarakat-masyarakat barat kita hormati mereka ada benda-benda yang kuat dan positif dalam kehidupan mereka iaitu pemborosan. Tuan-tuan, *lunch* kita pergi tengok *lunch* tengah hari ni, ada tak orang berapa orang berapa persen termasuk Sekinchan yang pinggannya licin makan menjilat jari. Dekat pejabat kita, kita datang *meeting lunch, breakfast* mesti ada yang membazir. Betul, betul tak Dengkil? Membazir. Tak habis nasi. Nak tanya saya ke?

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang boleh habiskan.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Saya nak habis pukul 12.57.

**TUAN SPEAKER:** Saya perlukan penyokong usul dan pihak kerajaan untuk memberi maklum balas.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Kalau begitu saya tarik balik usul saya. Saya akan bentangkan dalam sidang Dewan yang akan datang.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah. Hulu Kelang menarik balik usul. Jadi, saya gugurkan Usul No. 8 Tahun 2017. Setiausaha Dewan.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan Mesyuarat seterusnya usul untuk menangguhkan Dewan.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah, saya jemput Chempaka.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persidangan kita telah pun tamat dengan ini saya mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sehingga satu masa yang akan ditetapkan kelak.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya menangguhkan persidangan kali ini saya mengambil peluang dan kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Negeri, Ketua-ketua Jabatan, pegawai kerajaan di atas kerjasama yang telah diberikan bagi melicinkan perjalanan Mesyuarat Kedua Persidangan Penggal Kali Kelima kali ini. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Setiausaha dan Penolong Setiausaha Dewan, Urus Setia, Pelapor-pelapor dan semua petugas yang terlibat secara langsung maupun secara tidak langsung di atas komitmen dan kesungguhan semua dalam memastikan perjalanan mesyuarat berjalan lancar. Kepada semua Yang Berhormat, sila semak draf penyata yang telah dan akan diedarkan berkaitan dengan ucapan Yang Berhormat dan kembalikan semula kepada pentadbiran dewan sekiranya terdapat sebarang pembetulan agar penyata rasmi itu dapat diedarkan dengan segera kepada semua. Dengan ini saya menangguhkan persidangan hari ini hingga ke suatu masa yang akan ditetapkan kelak. Dewan ditangguhkan.\

( Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari )